

UNSUR ISLAM DALAM NOVEL ANDING AYANGAN II KARYA RAMLEE AWANG

MURSHID: PENGAPLIKASIAN TEORI TAKMILAH

WAN AYUNIE BINTI WAN YA

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

KELANTAN

2023



Universiti Malaysia  
KELANTAN

**UNSUR ISLAM DALAM NOVEL ANDING AYANGAN II KARYA RAMLEE AWANG  
MURSHID: PENGAPLIKASIAN TEORI TAKMILAH**

Oleh

**WAN AYUNIE BINTI WAN YA**

Tesis dikemukakan bagi memenuhi kehendak Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan  
dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2023

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Pelajar

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Penyelia

Nama pelajar: WAN AYUNIE BINTI  
WAN YA

Nama Penyelia: PUAN SITI NUR ANIS BINTI  
MUHAMMAD APANDI

No. Kad Pengenalan: 990714-03-6722

Tarikh:

Tarikh:

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya saya dapat menyiapkan tugas ini dengan jayanya meskipun terdapat beberapa halangan dan masalah yang timbul dalam menyiapkan tugas ini.

Saya dengan rendah hati ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak dalam menjayakan tugas ini terutama penyelia saya sendiri iaitu Siti Nur Anis binti Muhammad Apandi yang banyak memberi tunjuk ajar, maklumat serta penambahbaikan dalam penyelidikan ini.

Selain itu, tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang banyak memberikan pertolongan kepada saya bagi menyiapkan dan menyempurnakan tugas ini dalam tempoh masa yang ditetapkan. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan kerana banyak memberi kerjasama sepanjang saya menyiapkan tugas ini.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya yang banyak memberikan dorongan, nasihat dan juga membantu saya dari segi kewangan dan kemudahan yang diperlukan oleh saya bagi menyiapkan tugas ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah banyak membantu saya sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Tanpa pertolongan orang lain tidak mungkin saya mampu menyiapkan tugas ini dalam tempoh masa yang ditetapkan. Terima kasih diucapkan kepada semua.

## ISI KANDUNGAN

BORANG PERAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
<b>BAB 1 – PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Batasan Kajian	7
1.8 Definisi Istilah Dan Konsep	8
1.9 Organisasi Kajian	10
1.10 Kesimpulan	12
<b>BAB 2 – KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	12
2.2 Pengkajian sarjana lain mengenai novel yang melibatkan keislaman	13
2.3 Kesimpulan	30
<b>BAB 3 – METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	31
3.2 Rekabentuk kajian	31
3.3 Kaedah kajian	33
3.3.1 Kaedah kepustakaan	33

3.3.2 Analisis Tekstual	34
3.3.3 Internet	35
3.4 Teori Takmilah	
3.4.1 Sejarah Ringkas Teori	35
3.4.2 Ciri teori Takmilah	36
3.4.3 Pendekatan Takmilah melalui pandangan Prof Madya Dr Shafie Abu Bakar	37
3.5 Kerangka Teoritikal	39
3.6 Kesimpulan	40
<b>BAB 4 – HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1 Pengenalan	40
4.2 Unsur Islam dalam novel Anding Ayangan II karya Ramlee Awang Murshid menggunakan teori Takmilah	
4.2.1 Prinsip Kerasulan yang bersifat Kamal (sempurna)	43
4.2.2 Prinsip Kerasulan sebagai insan Kamil (sempurna)	51
4.2.3 Prinsip Keislaman yang bersifat Akmal (sempurna)	63
4.3 Kesimpulan	71
<b>BAB 5 – PERBINCANGAN</b>	
5.1 Pengenalan	72
5.2 Rumusan kajian	73
5.3 Implikasi kajian	77
5.4 Cadangan daripada hasil kajian	78
5.4.1 Memaparkan unsur-unsur berkaitan dengan Islam dengan lebih banyak	79
5.4.2 Menerapkan teori Takmilah di dalam penulisan novel	80

5.4.3 Memperluas kajian mengenai unsur Islam menggunakan teori Takmilah	81
5.5 Kesimpulan	82
RUJUKAN	84



**Unsur Islam dalam Novel Anding Ayangan II Karya Ramlee Awang Murshid:  
Pengaplikasian Teori Takmilah**

**ABSTRAK**

Islam adalah agama yang sempurna dan mempunyai keistimewaan yang dapat dilihat menerusi peraturan, hukum-hakam yang telah diberikan oleh Allah SWT menerusi alQuran dan juga nas yang telah diambil daripada Rasulullah saw. Selain itu juga menurut Ahmad & Mohd Farid, (2008) menyatakan bahawa hukum-hakam ini juga dikenali sebagai hukum syarak yang mana ianya boleh dikategorikan sebagai tiga cabang ilmu iaitu ianya terdiri daripada Akidah, Akhlak dan juga Syariat. Tujuan hukum-hakam ini wujud ialah untuk manusia dapat menjalani proses kehidupan mereka ini dengan aman, teratur dan juga mendapat keredhaan daripada Allah SWT. Takmilah bermaksud istilah yang mempunyai kaitan dengan sifat Kamal Allah yang mana ia memberi maksud sempurna. Selain itu juga melalui kata sempurna ia dapat melahirkan perkataan ‘takmilah’ iaitu memberi maksud menyempurkankan. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti unsur-unsur Islam yang terdapat dalam novel ini serta membinvangkan kepentingan pengaplikasian teori Takmilah ini berdasarkan Novel Anding Ayangan II karya Ramlee Awang Murshid yang dapat diterapkan dalam diri seseorang ataupun sesebuah masyarakat kini. Kaedah kajian yang digunakan untuk menganalisis objektif adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif. Antara cara yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah pemprolehan data dan menganalisis data.

Kata Kunci: Unsur Islam, Prof Dr Shafei Abu Bakar, Anding Ayangan II, Ramlee Awang Murshid, Teori Takmilah



***Islamic Elements in the Novel Anding Ayangan II by Ramlee Awang Murshid:  
Application of Takmilah Theory***

**ABSTRACT**

*Islam is a perfect religion and has privileges that can be seen through the rules, laws that have been given by Allah SWT through the Qur'an and also the texts that have been taken from the Messenger of God. Apart from that, according to Ahmad & Mohd Farid, 2008) states that these laws are also known as syarak law which can be categorized as three branches of knowledge which consists of Akidah, Morals and Shariat. The purpose of these laws exist is for people to be able to live their lives safely, orderly and also get pleasure from Allah SWT. Takmilah means a term that has to do with the attribute of Kamal Allah which means perfect. In addition, through the word perfect it can give birth to the word 'takmilah' which means to complete. The main purpose of this study is to identify the elements of Islam found in this novel as well as discuss the importance of applying the theory of Takmilah based on Novel Anding Ayangan II by Ramlee Awang Murshid that can be applied in a person or a society today. The research method used to analyze the objective is to use qualitative methods. Among the methods used in this study are data acquisition methods and data analysis.*

*Keywords: Elements of Islam, Prof Dr Shafei Abu Bakar, Anding Ayangan II, Ramlee Awang Murshid, Takmilah Theory*

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Novel ini merupakan suatu bentuk pentaksiran rencaman hidup manusia yang telah wujud bagi bentuk sastera cereka. Malahan ia memberi maksud sebuah ciptaan ataupun kumpulan beberapa faktor utama telah mempunyai kaitan rapat diantara sesama mereka sendiri yang mana ia merupakan realiti rencaman hidup, imaginasi dan juga pengalaman-pengalaman peribadi. Maksud diatas itu telah diberikan oleh Shanon Ahmad dalam satu buku yang dimiliki oleh Kamarudin Hj. Husin dan Siti Hajar Hj. Abdul Aziz (1999). Selain itu juga menurut Siti Hajar dan Kamaruddin Hj. Husin ini telah memberi maksud bahawa novel ini merupakan sebuah karya yang mengandungi jalan cerita yang sangat panjang dan juga mempunyai sifat yang kompleks dengan unsur-unsur yang utama. Sebagai contoh yang terdapat dalam novel iaitu perwatakan, plot, latar dan juga sudut pandangan. Malahan bukan itu sahaja, novel ini juga merupakan sebuah roman yang pendek dan lebih dikenali dengan sebuah prosa yang sangat panjang dimana isi kandungannya terdapat bahagian-bahagian daripada sesebuah kehidupan.

Seterusnya dalam bahagian novel ini juga telah memberi gambaran mengenai watak dan juga perlakuan-perlakuan perwatakan dalam kehidupan yang telah menitikberatkan tentang ciri-ciri naratif. Hal ini kerana sesebuah novel itu tidak terikat dengan sebarang bentuk format seperti mana drama dan sajak. Terdapat plot, perwatakan, latar dan juga gaya dalam novel ini. Ia kerana dalam plot ini ia merangkumi 'apa', perwatakan pula ia merujuk kepada

‘siapa’ yang terlibat dalam novel itu dan latar pula ia memberi gambaran ‘dimana’ dan ‘bila’ manakala gaya pula ia merujuk kepada bagaimana perjalanan cerita itu dilakukan.

Disamping itu, Islam ini merupakan agama yang sempurna dan mempunyai keistimewaan yang dapat dilihat menerusi peraturan, hukum-hakam yang telah diberikan oleh Allah SWT menerusi al-Quran dan juga nas yang telah diambil daripada Rasulullah saw. Selain itu juga menurut Ahmad & Mohd Farid, (2008) menyatakan bahawa hukumhakam ini juga dikenali sebagai hukum syarak yang mana ianya boleh dikategorikan sebagai tiga cabang ilmu iaitu ianya terdiri daripada Akidah, Akhlak dan juga Syariat. Tujuan hukum-hakam ini wujud ialah untuk manusia dapat menjalani proses kehidupan mereka ini dengan aman, teratur dan juga mendapat keredhaan tanpa ada sebarang gangguan sekaligus ia sebagai landasan untuk menuju ke alam akhirat dengan berharap mendapat keredhaan daripada Allah SWT. Kita sebagai orang yang mukmin, wajib percaya akan agama Allah ini kerana menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas (alAttas), Islam merupakan sebuah agama yang mulia dan juga benar oleh Allah dan bagi umat Islam yang bergelar sebagai seorang Muslim. Ini kerana agama ini telah memberi penekanan dalam konsep pembentukan akhlak, bukannya hanya tekankan kepada segi aspek kepercayaan semata-mata (2019). Selain itu pula, menurut Abu AlcAla, Al-Mududi (1985), Islam ini membawa maksud tunduk dan juga patuh kepada suruhan Allah yang Maha Berkuasa serta meninggalkan segala larangan-Nya.

Kajian ini mengaplikasikan teori Takmilah. Ini kerana teori ini merupakan teori sastera Islam yang pertama dan yang ada di Malaysia ini yang telah memberi perhatian kepada para-para penganalisis dan juga pengkritik yang bertunjangkan konsep tauhid ini. Malahan, teori Takmilah ini sesuai untuk dijadikan bahan kajian melalui beberapa naskah

kajian kerana ia mempunyai pertalian dengan nilai-nilai Islam. Teori ini mempunyai beberapa prinsip iaitu yang pertama merupakan prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal (sempurna) manakala prinsip yang kedua pula iaitu prinsip kerasulan yang mana ia bersifat Kamil (sempurna), prinsip yang ketiga pula merupakan prinsip keislaman yang bersifat Akmal dan keempat pula bersifat ilmu dan sastera yang bersifat Takmilah. Selain itu yang kelima pula ia merupakan prinsip pada pengkarya yang mengistimalkannya diri dan juga yang keenam prinsip yang berkhayal yang bertujuan memupuk masyarakat atau mereka ke arah insan Kamil serta yang terakhir iaitu prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil (Sempurna).

Menurut Shafie Abu Bakar, takmilah ini bermaksud istilah yang mempunyai kaitan dengan sifat Kamal Allah yang mana ia bererti sempurna. Selain itu juga, melalui kata sempurna ia dapat melahirkan perkataan 'takmilah' iaitu memberi maksud menyempurkan. Malahan, melalui perkataan ini telah membuktikan dengan menggunakan teori Takmilah ini akan membuatkan kajian itu sempurna dalam sesebuah karya.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada unsur-unsur Islam yang telah terdapat dalam novel *Anding Ayangan II* karya Ramlee Awang Murshid. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap kajian yang dijalankan ini perlu mempunyai tujuan dan juga fokus utama bagi memudahkan lagi gerak kerja. Selain itu, bagi kajian yang akan dilakukan ini, sebuah novel yang bertajuk *Anding Ayangan II* dibawah terbitan Grup Buku Karangraf SDN.BHD dan novel ini

mempunyai sebanyak tiga cetakan kesemuanya antaranya ialah cetakan yang pertama pada tahun 2019, cetakan yang kedua pula pada tahun 2020 dan cetakan yang ketiga pada tahun 2021. Selain itu, jalan cerita tentang novel ini memberi tindak balas yang sangat teruja dan juga ia penuh dengan imaginasi yang penuh magis. Malahan, pengkisahan cerita ini berkonsepkan saspens thriller. Novel ini juga bersandarkan konsep *Dark Dream dan Make Believe*. Nilai dalam novel ini tinggi dan ia sangat memberi manfaat kepada pembaca untuk menghayati kisah ini. Namun begitu, dalam kajian ini beberapa peristiwa telah dimasukkan bagi memperlihatkan penggunaan unsur-unsur agama yang terdapat dengan lebih jelas.

Pengkaji telah memilih novel ini sebagai tajuk kajian kerana dalam novel ini dipenuhi dengan elemen-elemen yang mengandungi unsur-unsur Islam seperti menyebarkan dakwah sebagaimana ia merupakan sebuah kerajaan yang mementingkan penerapan Islam dalam kehidupan seharian di mana pemerintahan di Anding dilaksanakan berdasarkan Islam. Penduduk Anding akan mendirikan solat secara berjemaah dan terus meninggalkan pekerjaan mereka apabila telah masuk waktu untuk solat. Namun tidak lama setelah kebangkitan Anding, kerajaan tersebut telah dirampas atas dasar politik namun mengikut perjanjian Anding Ayangan masih mengekalkan konsep agama yang telah ada sekian lama. Walaubagaimanapun penyebaran dakwah ini dapat dilihat apabila penekanan terhadap Islam diaplikasikan sehingga kini di kawasan Papar, Sabah. Selain itu juga, unsur Islam yang seterusnya pula yang terdapat dalam teks ini ialah beriman kepada Qada' dan Qadar, berdoa, menjaga batas pergaulan, berjihad (berjuang di jalan Allah), ujian sebagai kifarah, menyebarkan dakwah, Islam merupakan agama yang sempurna dan juga solat.

### 1.3 PERNYATAAN MASALAH

Novel *Anding Ayangan II* ini dipilih kerana novel ini merupakan salah satu novel yang telah mendapat penerimaan yang positif daripada kalangan pembaca. Walaubagaimanapun dalam kajian ini akan memfokuskan unsur-unsur Islam berdasarkan teori takmilah kerana kajian mengenai unsur Islam terutama dalam novel ini jarang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya berbeza dengan kajian yang telah melibatkan nilai-nilai. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka ini berkemungkinan menganggap bahawa kajian berkaitan unsur Islam ini merupakan suatu perkara yang mudah difahami dan juga tidak diberi penekanan yang khusus oleh pembaca.

Seterusnya, meskipun novel ini telah dikenali ramai tetapi masih lagi terdapat beberapa peristiwa yang tidak jelas yang mana ia menyebabkan berlakunya kesamaran jalan cerita sedangkan didalam novel ini mempunyai pengajaran yang sangat banyak sejak awal penceritaan sehingga akhir. Oleh sedemikian, pengkaji ini berfikir bahawa dengan kajian terhadap novel ini mampu mengetengahkan lagi kefahaman dan juga boleh dijadikan iktibar dalam jalan penceritaan yang sebenar terutamanya dalam pengaplikasian unsur-unsur Islam yang cuba disampaikan oleh penulis.

Justeru itu, kajian mengenai unsur Islam ini dalam novel *Anding Ayangan II* menggunakan teori takmilah dipilih sebagai tajuk kajian kerana ia merupakan satu elemen yang mempunyai pertalian yang sangat erat dengan kehidupan seharian masyarakat lebih-lebih lagi masyarakat yang beragama Islam.

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Terdapat beberapa persoalan yang wujud dalam kajian ini yang menjadi buah tanya oleh pengkaji dalam kajian ini iaitu:

1.4.1 Bagaimana unsur Islam dapat diterapkan dalam novel *Anding Ayangan II*?

1.4.2 Adakah teori Takmilah dapat diaplikasikan dalam novel tersebut?

#### **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

Motif yang terpenting ataupun perkara yang penting yang menjadikan pengkaji ini ingin menjalankan kajian ini untuk mencapai objektif-objektif yang telah dicadangkan dan juga diberi perhatian. Antaranya ialah seperti yang berikut:

1.5.1 Mengenalpasti unsur Islam yang ditonjolkan dalam novel *Anding Ayangan II*.

1.5.2 Menganalisis prinsip-prinsip teori Takmilah dalam novel *Anding Ayangan II*.

#### **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Dalam kepentingan dalam kajian ini ialah bagi memperlihatkan manfaat dan juga kelebihan di sesebuah kajian yang telah dilakukan. Ianya kerana sesebuah kajian dilaksanakan semestinya mempunyai keutamaan terhadap kajian itu sendiri. Kepentingan utama yang dapat dilihat adalah untuk mengurangkan kekeliruan terhadap unsur-unsur Islam yang telah digunakan terutama dalam pembacaan. Melalui cara ini ia dapat membantu orang ramai untuk memahami unsur Islam sebenar yang cuba disampaikan oleh penulis dalam karya



mereka dan juga ia akan memudahkan pembaca untuk meletakkan diri mereka dalam watak rekaan tersebut.

Seterusnya, kajian terhadap unsur Islam ini juga telah memberi manfaat kepada pembaca kerana mereka dapat mengetahui dimana terletakinya unsur Islam ini dalam novel dan juga pengajaran yang dapat diambil. Hal ini dikatakan demikian kerana, contoh peristiwa yang membabitkan unsur Islam itu akan memberikan kefahaman yang lebih jelas bagaimanakan sesuatu unsur Islam itu diaplikasikan dan apakah unsur Islam yang terdapat dalam novel *Anding Ayangan II*.

## **1.7 BATASAN KAJIAN**

Batasan kajian ini menjelaskan tentang had akan dijalankan dalam sesebuah kajian. Batasan kajian ini difokuskan kepada unsur-unsur Islam yang telah dipilih seperti beriman kepada Qada' dan Qadar, berdoa, menjaga batas pergaulan, berjihad (berjuang di jalan Allah), ujian sebagai kifarrah, menyebarkan dakwah, Islam merupakan agama yang sempurna dan juga solat. Kajian ini juga dibataskan dengan menggunakan pendekatan kualitatif dimana pengkaji akan menggunakan teks iaitu novel sebagai bahan dalam menyiapkan kajian ini. Selain itu, pengkaji membataskan kajian ini kepada teori Takmilah. Menurut Shafie Abu Bakar, takmilah ini bermaksud makna ianya mempunyai kaitan dengan sifat-sifat Kamal Allah yang mana ia bererti sempurna.

Selain itu juga, melalui kata sempurna ia dapat melahirkan 'takmilah' iaitu memberi maksud menyempurkan. Teori ini mempunyai beberapa prinsip iaitu yang pertama merupakan prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal (sempurna) manakala prinsip yang kedua



pula iaitu prinsip kerasulan yang mana ia bersifat Kamil (sempurna), prinsip yang ketiga pula merupakan prinsip keislaman yang bersifat Akmal dan keempat pula bersifat ilmu dan sastera yang bersifat Takmilah. Selain itu yang kelima pula ia merupakan prinsip pada pengkarya yang mengistimakan diri dan juga yang terakhir prinsip yang berkhayal yang bertujuan memupuk masyarakat atau mereka kearah insan Kamil.

### **1.8 DEFINISI ISTILAH DAN KONSEP**

Maksud yang mana ianya juga dipanggil istilah dan juga konsep ini merupakan pembayang tentang tujuan sebenar dalam sesuatu kajian dilakukan supaya ianya akan menjadi lebih kemas dengan isi kandungan yang menjadikan ianya tidak lari dari tujuan sebenar tentang kajian ini. Mana Sikana (2015) memberikan pernyataan bahawa penyelidikan ini merupakan benda yang utama dan juga merupakan sebuah latihan yang boleh menjadikan seseorang itu menjadi intelektual. Seterusnya proses seperti penyelidikan ini haruslah ianya dijalankan secara lebih sistematik oleh seorang pengkaji dalam kajiannya. Oleh itu juga pada bahagian ini telah memberi makna yang telah digunakan dalam kajian ini. Konsep ini boleh membantu pengkaji supaya dapat fahami segala makna yang telah dibincangkan supaya tidak berlakunya penyalahan maksud dalam sepanjang menjalankan kajian ini.

#### **Unsur Islam**

Islam ini merupakan agama yang sempurna dan mempunyai keistimewaan yang dapat dilihat menerusi peraturan, hukum-hakam daripada Allah SWT menerusi al-Quran dan juga nas daripada Rasulullah saw. Selain itu juga menurut Ahmad & Mohd Farid, (2008) menyatakan

bahawa hukum-hakam ini juga dikenali sebagai hukum syarak yang mana ianya boleh dikategorikan sebagai tiga cabang ilmu iaitu ianya terdiri daripada Akidah, Akhlak dan juga Syariat. Tujuan hukum-hakam ini wujud ialah untuk manusia dapat menjalani proses kehidupan mereka ini dengan aman, teratur dan juga mendapat keredhaan tanpa ada sebarang gangguan sekaligus ia sebagai landasan untuk menuju ke alam akhirat dengan berharap mendapat keredhaan daripada Allah SWT.

Selain itu juga, Islam juga dianggap sebagai “Ad-Dinn” yang mana memberi maksud mengajar dan juga menyuruh umat-umatnya berpandangan jauh dengan mengambil kira hal yang penting tentang dunia dunia dan juga akhirat secara seimbang dan juga seiring. Manakala Islam ini juga telah menunjukkan perhatian dan juga penelitian yang penting terhadap rohani, keagamaan dan kemajuan dunia akhirat.

### **Teori Takmilah**

Teori Takmilah pada asalnya ia merupakan perkataan daripada jamal yang berhubung dengan Takmilah dan Jamal. Malahan perkataan ini juga telah merujuk kata Takmulah, iaitu istilah Arab yang memberi maksud penyempurnaan. Teori ini telah diwujudkan oleh Shafie Abu Bakar (1998). Dalam teori ini ia mempunyai beberapa prinsip iaitu yang pertama merupakan prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal (sempurna) manakala prinsip yang kedua pula iaitu prinsip kerasulan yang mana ia bersifat Kamil (sempurna), prinsip yang ketiga pula merupakan prinsip keislaman yang bersifat Akmal dan keempat pula bersifat ilmu dan sastera yang bersifat Takmilah. Selain itu yang kelima pula ia merupakan prinsip pada pengkarya yang mengistikhmalan diri dan juga prinsip yang berkhlayak yang bertujuan memupuk masyarakat atau mereka kearah insan Kamil.

## 1.9 ORGANISASI KAJIAN

Setiap kajian haruslah ada organisasi kajian agar kajian yang dijalankan itu lebih sistematik. Oleh itu ianya telah dibahagikan kepada beberapa bahagian.

### **Bab Satu**

Bahagian satu telah membahaskan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi istilah dan konsep, organisasi kajian dan juga kesimpulan. Menerusi perbincangan tersebut, kajian ini memfokuskan kepada Unsur-Unsur Islam dalam novel *Anding Ayangan II* karya Ramlee Awang Murshid berlandaskan Teori Takmilah. Sebelum kajian ini dilakukan dengan lebih mendalam tentang unsur Islam yang akan dikaji selaras dengan teori, pemahaman yang berkaitan dengan unsur Islam yang telah diketengahkan dengan jelas bermula dari persoalan kajian, objektif kajian, pernyataan masalah, kepentingan kajian dan sedikit unjuran bab melalui bab satu ini.

### **Bab Dua**

Dalam bab dua membincangkan kajian literatur dimana ianya terdapat tinjauan yang dilakukan menerusi sorotan kajian lepas daripada sumber yang jelas berkaitan unsur Islam, pengkajian tentang Teori Takmilah, pengkajian mengenai bidang lain serta diakhiri kepada kesimpulan.

### **Bab Tiga**

Bahagian ini menerangkan metodologi yang akan diaplikasikan dalam tinjauan ini. Cara dijalankan merupakan kaedah kualitatif seperti kaedah kepustakaan dan melayari internet untuk mengupulkan data. Selain itu, kaedah analisis teks pula akan menggunakan novel *Anding Ayangan II*. Teori Takmilah menurut Prof Dr Shafei Abu Bakar digunakan bagi mendapat analisis- analisis.

### **Bab Empat**

Bahagian ini pula mempunyai analisis dan juga dapatan kajian. Secara khususnya bab empat akan mengandungi unsur-unsur Islam yang ada pada karya Ramlee Awang Murshid. Justeru itu membahaskan unsur-unsur Islam dari segi pengaplikasian teori Takmilah dan seterusnya mengaplikasikan teori Takmilah ini melalui prinsip-prinsip teori Takmilah yang terdapat dalam *Anding Ayangan II*.

### **Bab Lima**

Bab menerangkan tentang bahagian penutup bab yang mana ia akan mengandungi rumusan daripada perbincangan dan juga dapatan kajian untuk menjawab segala persoalan dan juga fokus utama yang telah dibincangkan. Oleh itu pelbagai kesan daripada kajian serta cadangan-cadangan tentang kajian akan dikemukakan juga dalam kajian ini melalui bab lima ini.

### **1.10 KESIMPULAN**

Berdasarkan kajian yang telah dikenal pasti dan dianalisis oleh pengkaji jelas menunjukkan bahawa unsur Islam yang terdapat dalam novel *Anding Ayangan II* boleh dijadikan panduan kepada masyarakat dan juga penulis untuk memahami dengan lebih mendalam tentang sesuatu unsur-unsur Islam. Melalui perbincangan ini dapat disimpulkan bahawa novel mempunyai unsur Islam yang sangat berguna. Oleh itu berdasarkan unsur Islam ini mampu menempatkan diri dan menjadikan mereka sebagai watak dalam cerita. Kajian mengenai unsur Islam dalam novel *Anding Ayangan II* Karya Ramlee Awang Murshid berdasarkan Teori Takmilah ini dapat disimpulkan bahawa unsurunsur Islam ini sangat penting dan boleh dijadikan pengajaran kepada seseorang itu. Ini kerana Islam ini adalah agama diredhai, benar yang dapat menyelamatkan seseorang itu di dunia mahupun di akhirat.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 PENGENALAN**

Pengenalan merupakan satu rumusan maklumat-maklumat yang didapati hasil daripada kajian terhadap jurnal, buku, penyelidikan lepas (tesis) dan sebagainya. Menurut Amran bin Mat Arriffen (2022) semua bahan kajian sama ada bercetak mahupun bertulis dinamakan sebagai kajian literatur. Penulisan ini memerlukan pemahaman dari pengkaji dalam memahami topik yang dikaji dan juga isu-isu yang bakal diketengahkan dalam kajian. Bab

ini amat penting dalam sesebuah kajian kerana ia dapat membantu dalam menyumbangkan idea dan juga hala tuju tentang kajian dengan lebih mendalam dimana isu-isu atau idea ditulis mengikut susunan subtopik tertentu berdasarkan pemboleh ubah kajian.

Kajian literatur bertujuan menentukan kajian dimana ia dapat menyokong teori atau jenis kajian kerana sesebuah kajian perlu diselaraskan dengan permasalahan kajian, kerangka kajian, tujuan serta objektif agar kajian yang dilaksanakan dapat dilakukan dengan berkesan. Dalam kajian literatur, tajuk penyelidikan amat penting kerana ia dapat membantu pengkaji untuk mengenal pasti dan memberikan fokus kepada isu yang bakal dikaji. Pada bahagian ini juga banyak membantu pengkaji untuk memilih bahan bacaan yang sesuai untuk dijadikan rujukan ataupun tidak.

Kajian mengenai teori takmilah ini telah banyak dijalankan oleh sarjana tempatan mahupun luar. Malahan, dengan adanya pengumpulan dan kajian ini dilakukan telah membuka banyak jalan kepada pengkaji-pengkaji dan juga pada ahli-ahli ilmunan untuk membuat ulasan, mentafsir serta mengkritik yang berkonsepkan Islam. Teori ini sesuai untuk dibuat rujukan dalam naskah kajian ini kerana ia berkait rapat terhadap elemenelemen Islam.

## **2.2 Pengkajian Sarjana Lain Mengenai Novel-Novel yang Melibatkan Unsur Unsur Islam**

Novel '*Pei Pan*' karya Ramlee Awang Murshid juga telah mendapat tempat kedua dan telah mendapat Hadiah Sako kategori Novel Nasional peringkat negara pada tahun 2002. Novelis ini juga turut mendapat tempat yang ketiga untuk anugerah pilihan pembaca Berita Harian pada tahun 2009 menerusi novel '*Hijab Sang Pencinta*' diikuti dengan Anugerah Buku

Negara 2012 kategori remaja untuk novel '9 Nyawa. Selain itu juga novel keluaran daripada karya Ramlee Awang Murshid iaitu novel '*Tombiruo*' yang telah diadaptasikan kepada sesebuah filem dan mendapat tempat dalam industri perfileman di Malaysia, Tan (2018).

Menurut Rosnani Ripin (2017), Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra yang bertajuk *Seteguh Fikrah Salehah*, Karya Aminah Mokhtar. Melalui novel ini, ia telah menyemaikan nilai-nilai yang baik dalam menyampaikan aspek-aspek dan kesan yang baik kepada orang ramai dengan menyemai elemen-elemen dakwah, pendidikan, perilaku yang mentakmilahkan insan dan karya. Oleh itu, ia bersesuaian dengan teori Takmilah yang mana teori ini mementingkan unsur-unsur yang baik dalam sesebuah karya itu supaya para pembaca dapat menjadikannya panduan dan juga iktibar bagi mendapatkan penyempurnaan kepada diri sendiri sebagai muslim sejati. Selain daripada itu juga, menurut pengkaji iaitu Rosnani Ripin, novel *Seteguh Fikrah Salehah* karya Aminah Mokhar ini juga telah mengajar manusia supaya menjadi seseorang manusia yang kamil bersesuaian dengan Teroi Takmilah. Selain itu juga, karya-karya yang dicipta oleh penulis ini boleh dilihat melalui sudut takmilah karya Islam yang mana ia merupakan usaha penulis bagi menyampaikan dakwah dan juga pendidikan yang menghayati nilai-nilai Islam didalam karyanya sekaligus juga memberi kesan yang baik kepada para pembaca dengan menghayati nilai-nilai Islam yang telah diterapkan dalam karya-karyanya.

Menurut pandangan Ahmad Redzaudin Ghazali, Mohamad Rofian Ismail, Khairatul Akmar Abd. Latif (2017) dari Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor telah membuat analisis tentang teori takmilah yang terdapat didalam novel *Sarjana Bangsa*. Novel tersebut merupakan sebuah karya daripada sasterawan prolific Hasanuddin Md Isa dan novel ini diterbitkan pada tahun 2015. Tujuan kajian dilakukan adalah untuk melihat sejauh mana



karya novel ini menepati perspektif karya islam menurut teori takmilah ini. Oleh hal itu, pengkaji telah menyatakan bahawa berdasarkan kajian yang dilakukan, novel *Sarjana Bangsa* ini telah menepati keenam-enam prinsip teori Takmilah. Ini kerana terdapat didalam novel ini terdapat kesinambungan cerita yang telah digambarkan atau diberi penekanan oleh penulis telah menepati garis panduan terhadap prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal dan juga karya ini mempunyai sifat-sifat ketuhanan yang kental sekaligus memberi gambaran sifat Allah SWT yang Maha Sempurna. Berdasarkan kajian in juga, novel ini bukan sahaja mengandungi prinsip-prinsip teori Takmilah sahaja, malahan ia juga memberi kesan yang positif kepada seseorang dalam menyempurnakan dirinya melalui akidahnya sebagai seorang hamba Allah di bumi ini dan ia mengandungi dengan pelbagai pengetahuan mengenai agama Allah. Malahan, pengkaji juga telah mendapati bahawa penulis telah melepasi tahap kepuasan dalam mencapai karya-karya yang berkonsepkan agama Islam sebagaimana melalui teori Takmilah itu. Oleh itu, terdapatnya unsur-unsur Islam dalam kajian ini ia telah memberi bimbingan kepada para pembaca untuk diterapkan dalam kehidupan seharian.

Menurut Zaidi bin Ahmad, Azhar Abdul Wahid dan Abdul Halim Ali (2020), membuat kajian terhadap Kerasulan insan kamil membentuk modal insan dalam novel *Imam* karya Abdullah Hussain. Melalui kajian ini mereka telah mengkaji sejauh mana peranan novel yang dapat membentuk dan juga mendidik modal insan berguna sejajar dengan teori Takmilah dimana ia telah bersesuaian dengan prinsip teori Takmilah iaitu Prinsip Kerasulan sebagai Insan Kamil Prinsip. Malahan kajian ini juga mempunyai konsep insan yang Khalifah, insan Rabbani dan juga insan yang Kamil. Ini akan memberikan sikap-sikap untuk dijadikan contoh kepada pembaca agar dapat menerapkannya dalam kehidupannya seharian. Watak-watak dari novel ini telah menggambarkan tentang ciri-ciri seorang Khalifah dimana,



watak Haji Mihad yang merupakan seorang dalam keadaan dirinya berfikir yang baik-baik dalam menyelesaikan masalah yang berlaku dalam orang kampung. Beliau merupakan seorang imam yang dipandang mulia oleh orang-orang kampung dan beliau memperoleh pendidikan beliau secara formal kerana beliau berkelulusan tinggi dalam pendidikan agama dari seluruh pelusuk dunia sebagai contoh di 9 Mekah dan Aceh, Indonesia. Ini sekaligus telah membuktikan bahawa Haji Mihad ini mempunyai ciri-ciri Khalifah yang baik dimana ia bersesuaian dengan prinsip teori Takmilah dan memberi nilai fikrah yang berguna kepada masyarakat kembali ke jalan Allah. Kajian dalam novel ini dapat memberi pengajaran dan juga kesedaran bahawa kepentingan mempunyai pengetahuan agama dalam kehidupan itu amatlah penting agar kehidupan kita itu mendapat keredhaan dari Allah dan sekaligus memberi keberkataan dalam kehidupan.

Pada pandangan Maharam Mamat, Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, Maisarah Yaacob dan Norasiah Abdullah, Institusi Pendidikan Guru, Bangi, Selangor D.E (2012) yang mana mereka ini telah mengkaji sebuah karya teks novel *KOMSAS* iaitu Tarbiah dalam novel *Papa (akhirnya kau tewas jua!)* karya Deana Yusof. Tujuan kajian ini dijalankan bagi menganalisis novel yang telah digunakan dalam subjek Bahasa Melayu yang menggunakan teori Takmilah dimana aspek yang terdapat dalam kajian ini adalah aspek tarbiah. Oleh hal yang demikian, aspek tarbiah ini berdasarkan tujuh prinsip yang terdapat teori Takmilah. Pengkaji telah memfokuskan bahawa di dalam novel ini terdapat satu prinsip dari teori Takmilah yang sesuai dimana prinsip tersebut ialah prinsip yang terakhir dalam teori ini yang memberi fokus kepada prinsip khalayak (pembaca). Ia kerana masyarakat yang aktif akan mendapat kesan baik daripada novel Papa ini dari aspek tarbiah. Ini juga telah memberi kesinambungan dalam memupuk khalayak kearah insan yang kamil serta memberi

kesan baik dan boleh jadikan nilai-nilai yang murni sebagai tunjuk ajar atau pengajaran dalam kehidupan seharian mereka. Malahan, pengkaji juga telah menyatakan maksud tarbiah iaitu ia merujuk kepada bahasa pinjaman dari perkataan bahasa Arab yang telah diterjemahkan sebagai pendidikan. Ia sekali gus memberi makna ajar, jaga dan juga pelihara. Seterusnya, didalam karya novel ini juga terdapat beberapa tarbiah yang telah dikaji oleh pengkaji iaitu tarbiah dari segi akhlak, fizikal dan juga sosial. Ini sangat berkait rapat dengan kehidupan seharian kita (pembaca) sekaligus dapat memberi kesan yang positif untuk diamalkan dalam harian kita bersesuaian juga dengan prinsip teori Takmilah.

Menurut Maisarah binti Yaacob pula pada tajuk kajian yang beliau jalankan pula iaitu Unsur Tarbiah Dalam novel *Komsas (2017)* dimana beliau ada menyebut tentang maksud tarbiah iaitu konsep maksud tarbiah ini seakan sama dengan maksud takmilah ataupun konsep islam. Sebagai contohnya, beliau telah menyatakan bahawa pembelajaran dalam subjek Pendidikan Islam ini juga telah diberi nama ta'lim dan juga ta'adib. Perkataan ini merupakan perkataan yang ianya dari kata utama iaitu allama yang mana ia bereti mengajar. Ia bersesuaian dengan firman Allah s.w.t iaitu dalam surah al-Baqarah ayat 31 yang bermaksud “Dan Dia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda (dan kegunaannya), kemudian dikemukakan-Nya (benda-benda tadi) kepada malaikat, lalu Dia berfirman “terangkan kepada-Ku nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar” (Al-Qur'an, 2007:6). Penterjemahan itu telah jelas mengandungi penekanan dalam proses mendapatkan ilmu itu diperlukan dalam kehidupan seseorang. Ilmu yang dipelajari manusia bermula dari jumlah yang sedikit dan ia bertambah melalui pendidikan yang telah diterima oleh seseorang individu itu, sedangkan ilmu Allah SWT tiada bandingannya dengan manamana ilmu oleh makhlukNya. Oleh itu, adalah suatu kerugian jika hanya memilih ilmu

dunia sahaja tanpa mempunyai hubungan diantara ilmu yang memberi kepada kesejahteraan hidup didunia atau diakhirat.

Zainuddin Hashim dalam kajian beliau telah mengupas mengenai ulama yang telah memberi konsep tarbiah kepada beberapa bahagian iaitu tarbiah nafissyah yang menekankan pendidikan dan kejiawaan, manakala jismiyya pula telah memberi fokus dalam pendidikan fizikal dan terdapat banyak lagi konsep-konsepnya. Oleh hal itu, konsep itu telah memberi maksud yang menyeluruh dan ia sangat sesuai diamalkan dalam kalangan masyarakat untuk pembentukkan sesebuah negara yang aman dan juga damai. Malahan, secara keseluruhannya konsep ini sekaligus telah memberi gambaran dalam prinsip-prinsip teori Takmilah yang mana ia difokuskan dengan maksud ketuhanan dan juga kesempurnaan akhlak.

Selain itu, Abdullah Ishak (1995) dalam kajiannya juga telah memberi kenyataan tentang seseorang ahli falsafah yang mana dari Amerika telah membuat takrifan tentang pendidikan. Ia kerana pendidikan ini merupakan sebuah proses dalam mendapat kecenderungan hak asasi yang berupa kepercayaan dan merupakan perasaan kepada alam serta manusia. Manakala tu hal ini juga merupakan proses kearah sebuah pembentukkan akhlak yang sangat baik ini merupakan suatu tarbiah. Hal ini telah sejajar dengan maksud tarbiah tentang pendidikan yang mana ia telah menunjukkan sebuah proses yang dapat memberi keselesaan kepada seseorang itu dengan kehidupan yang bersosial, kepercayaan, agama dan juga dalam segi undang-undang dimana ia dalam situasi dalam kalangan masyarakat dari generasi kepada generasi yang seterusnya. Hal ini telah menunjukkan pembentukkan suatu tarbiah ini mempunyai perkaitan dengan prinsip dari Takmilah yang boleh menjadikan seorang insan yang Kamil.

Seterusnya pula, menurut Hassan Langgulung (1985) dalam subjek pendidikan

Islam ini telah melakukan tiruan dan juga ajaran yang baik dalam kehidupan seharian. Ia kerana dalam pendidikan ini dapat memberi suatu ajaran dan juga kefahaman dalam pemikiran seseorang manusia. Malahan, proses penerapan ajaran ini mestila bermula dari umur bayi lagi dan ianya harus dilakukan berterusan kerana kanak-kanak ini akan mula membuat penelitian dan juga rakaman terhadap apa-apa yang berada di persekitarannya sahaja terutamanya melalui perkara yang dijalankan oleh ibubapa. Hal ini telah memberi kata bukti bahawa ibubapa ini memainkan peranan yang sangat penting bagi menjadikan contoh ikon yang baik kepada anak-anaknya dan sekaligus menjadikan ia sebagai proses awal dalam pendidikan yang boleh membina ke arah insan yang sempurna (Kamil).

Kajian lepas yang telah dijalankan oleh Syarifah Salha Syed Ahmad, Adenan Ayob dan Mohd Rosli Saludin yang bertajuk Aplikasi Teori Takmilah Dalam *Fara'id Al Fawa'id Al-Fi Al-Imam Al Mahdi* yang mana kajian ini juga memberi penekanan dalam kepimpinan Islam, 2019. Kajian ini telah membincangkan ciri-ciri tentang teori Takmilah ini yang merupakan prinsip kerasulan sebagai insan kamil. Hal ini kerana dalam perkataan insan kamil ini diberi maksud sifat kerasulan sebagai insan kamil ini merupakan sifat yang boleh memberi keyakinan terhadap wujudnya makhluk dan juga insan di dunia ini yang telah menjadi lambing dan juga kekuasaan dari Allah SWT yang mana ia sejurus dengan sifat Kamal yang telah memberi maksud Yang Maha Sempurna. Kajian ini juga telah membuat rujukan bahawa sifat Kamal yang terdapat dalam diri Rasul SAW itu harus dibuat sebuah semangat ataupun bukti bagi memberi penelitian terhadap ciptaan kewujudan seorang manusia itu merupakan sebaik-baik kejadian dan ia merupakan sebuah kepimpinan yang telah dipimpin oleh para-para pemimpin yang boleh dijadikan teladan serta contoh yang baik kepada semua manusia. Selain itu juga beliau juga telah membuat kajian bahawa dalam tajuk

ini mereka dapat kaitkan dengan ciri-ciri ini yang mana konsep ataupun definisi khalifah ini bermaksud pemerintah yang berada di muka bumi ini. Malahan dalam agama Islam ini juga telah dibuktikan melalui al-Quran yang mana ada menyebut bahawa Allah telah mengangkat seseorang untuk menjadi khalifah supaya dapat membimbing manusia agar tidak tersesat. Oleh itu, khalifah ini telah menjadi pemimpin atau pemerintah yang telah dipilih bagi memberi kesempurnaan dalam menjalankan perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal manusia serta telah diberikan tanggungjawab bagi menjalankan kebaikan.

Dalam kajian Kamariah Kamaruddin pada tahun 2011 telah membuat kajian mengenai tiga konsep falsafah yang melibatkan pemikiran tentang Islam yang merupakan insan Kamil, insan Khalifah dan juga Insan Rabbani. Hal ini telah menunjukkan bahawa kesemua falsafah ini merupakan sebuah tahap kedudukan seseorang insan dalam menjalankan segala perintah dari Yang Esa di dunia ini. Ia seperti Al-Mahdi yang mana beliau yang telah dicipta dan juga diperintah oleh Allah di dunia ini. Malahan Al-Mahdi juga merupakan khalifah yang mana beliau ini mempunyai kemampuan dalam melaksanakan perintah pada akhir zaman kerana beliau ini telah mempunyai ciri-ciri yang telah digariskan oleh Allah dalam melawan segala rintangan dan juga memiliki keperibadian yang mulia yang boleh memberi manfaat kepada manusia di alam ini.

Balakrishnan A/L Arumugam, Mashetoh Abd Mutalib dan juga Melor Fauzita Md Yusodd telah membuat kajian mengenai novel karya Ramlee Awang Murshid yang bertajuk novel *Rangau*. Dalam novel ini mengandungi unsur-unsur eufeminme. Hal ini kerana dalam kajian ini telah memberi penelitian dan juga membuat kajian secara lebih terperinci dalam mengenal pasti jenisjenis unsur ini yang bersesuaian dalam karya yang harus dipilih oleh penulis tempatan. Unsur ini merupakan ia dibahagikan kepada Sembilan langkah ataupun

aspek iaitu sebagai contoh bahasa kiasan, penggantian, singkatan, konotasi negatif dan juga ia merupakan pinjaman hiperbola, ironi dan banyak lagi. Dalam kajian ini telah menunjukkan banyak tentang budaya-budaya Melayu yang dikaryakan.

Dalam kajian Shafie Abu Bakar telah memberi penelitian yang khusus tentang agama islam yang mana ia membawa kepada konsep keilmuan. Hal ini kerana dalam Islam ini telah menunjukkan bahawa semua orang Islam diharuskan sentiasa mendapatkan ilmu walau dimana sahaja berada. Hal ini telah memberi gambaran bahawa takmilah ini mempunyai hubungan yang sangat erat dengan sastera dalam pemikiran dan juga akal seseorang. Ini kerana akal ini telah diberi perkaitan dalam ilmu-ilmu yang bersifat alamiah. Dalam kajian beliau juga telah memberi pemahaman dalam fungsi-fungsi sastera yang dapat membentuk kerohanian dan juga alamiah seseorang itu. Justeru itu prinsip-prinsip teori ini telah memberi penekanan bahawa sastera juga merupakan sifat takamul kepada ilmu.

Menurut Zaidi bin Ahmad, Azhar Abdul Wahid, Abdul Halim Ali dalam Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, Vol, 8 (2) 2020 bertajuk kerasulan insan kamil membentuk modal insan dalam novel Imam. Mereka ini ada menyatakan bahawa prinsip Takmilah ini dapat mengambil contoh iaitu insan yang sangat mulia di muka ini yang mana ia merupakan kekasih Allah iaitu Rasulullah SAW. Insan yang mulia ini dijadikan contoh kerana baginda mempunyai jiwa yang sangat mulia dan paling dekat dengan penciptanya. Kasmaizun Enuni binti Mohd Sarji & Kamariah Kamaruddin, 2017 telah memberi pemikiran tentang Islam iaitu terdapat beberapa konsep yang berkonsepkan ideal keinsanan yang mana sebagai contoh insan Khalifah yang ianya telah merujuk kepada tahap kemampuannya untuk menjadi pemimpin di muka bumi ini. Seterusnya pula insan yang Rabbani yang mana ia bertujuan bagi menyucikan dan juga menyerahkan segala hal dunia serta dirinya dan juga rohani



manusia kepada Allah SWT dengan lebih khusyuk. Malahan insan yang kamil pula ia merujuk antara insan Khalifah dan juga Rabbani kerana insan Kamil ini berupaya boleh menunjukkan akhlak terpuji dan ia merupakan kemuncak tahap kedudukan manusia di atas muka bumi ini. Seterusnya pula, menurut Samsina Haji Abdul Rahman 2001 kesemua konsep ini telah terbukti bahawa dalam sejarah Islam yang dimiliki oleh baginda Rasulullah SAW sehingga baginda telah mendapatkan gelaran al Amin yang mana ia membawa maksud seorang yang jujur dan juga yang benar, manakala al Mustaffa (yang terpilih) dan juga habibullah merupakan kekasih Allah SWT.

Seterusnya pula Shafie Abu Bakar (1996) terdapat dalam diri Rasulullah SAW telah terhimpun segala keindahan keperibadian dan juga kejadian diri yang telah terhimpun pada dasarnya insan Khalidah dan juga insan Rabbani yang terumus sebagai insan yang Kamul. Malahan menurut Abang Mohd, Razif Abang Muis (2015) juga antara ciri insan yang Kamil ini termasuklah sentiasa berusaha untuk mencegah dirinya agar tidak terjatuh dan terperangkap dengan godaan hawa nafsu syaitan. Maksud ini jelas untuk dinyatakan dalam kajian terhadap sifat-sifat kerasulan melalui teori Takmilah yang dikaji oleh Zaidi bin Ahmad, Azhar Abdul Wahid, Abdul Halim Ali dalam Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, Vol, 8 (2) 2020 yang bertajuk kerasulan insan kamil membentuk modal insan dalam novel Imam.

Seterusnya Lokman Abdul Samad dan Asmiaty, 2014 dari *Puisi-Puisi Arifin Arif* ini telah memberi fokus dalam analisis-analisis takmilah. Hal ini kerana dalam kajian ini telah memberi gambaran bahawa agama Islam ini merupakan agama yang sentiasa memberi kebaikan dalam bidang-bidang keilmuan. Malahan, dalam kajian ini juga telah membahaskan tentang hubungan takmilah engan kesusasteraan yang telah berkait rapat

dengan hati budi manusia dan juga akal manusia. Selain itu kajian ini juga memberi penekanan mengenai persoalan-persoalan yang terdapat dalam karya yang telah diberi oleh penyair. Ia juga sekaligus telah memberi penelitian bahawa sastera yang bersifat takamul kepada ilmu ini dan juga ilmu kepada takamul sastera seperti mana yang telah dinyatakan oleh Shafie Abu Bakar.

Menurut Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafi dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) dalam kajiannya iaitu 'Nilai-Nilai Kemanusiaan dalam *Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah*' telah membincangkan tentang nilai-nilai kemanusiaan yang telah terkandung dalam cerita rakyat iaitu melalui cerita lisan. Hal ini dikatakan demikian kerana, ia dapat dilihat, masyarakat Melayu sering menceritakan nilai-nilai yang patut kita contohi oleh generasi-generasi mereka melalui cerita lisan. Rentetan itu, ia akan diceritakan dari satu generasi ke generasi seterusnya. Malahan, kajian ini juga dijalankan dengan menggunakan dua objektif kajian yang mana ia merupakan mengenalpasti dan juga menganalisis mengenai nilai-nilai kemanusiaan harus diteliti dengan lebih mendalam mengenai masyarakat pada zaman dahulu. Oleh itu, penulis ataupun pengkarya telah menggunakan teori Takmilah untuk membuat kajian, huraian dan juga analisis-analisis yang telah dikaji dan ditemui dalam cerita lisan. Hasil daripada kajian ini terdapat beberapa nilai-nilai kemanusiaan yang ditemui antaranya ialah rendah diri, murah hati, penyayang dan juga hormat menghormati antara satu sama lain. Seterusnya ia sekaligus menjadikan hasil dapatan kajian ini telah diperoleh oleh penulis telah menunjukkan bahawa masyarakat-masyarakat Melayu amat mementingkan nilai-nilai kemanusiaan dalam kehidupan harian dan juga melalui penceritaan rakyat ini telah menggambarkan bahawa nilai kemanusiaan ini merupakan aspek yang sering diceritakan



oleh generasi dahulu kepada generasi masa kini agar cerita itu tidak lapuk dan sentiasa menjadi ingatan dalam kalangan masyarakat Melayu.

Menurut Asmiaty Amat, Lokman Abdul Samad, 2014 dari *Puisi-Puisi Arifin Arif* iaitu bertajuk Satu Analisis Takmilah dari Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah. Melalui kajian mereka, puisi-puisi Arif ini yang dianalisis iaitu prinsip ketauhidan yang telah berhubung dengan sifat Kamal Allah telah diberikan penelitian yang khususnya bahawa hampir keseluruhan daripada puisinya. Melalui puisi ini beliau telah menjadikan puisi beliau ini kaya dengan nilai-nilai ketauhidan yang sangat tinggi dan segala penyerahannya ini telah ditunjukkan melalui kalimah puji-pujian kepada Allah SWT. Sebagai contohnya melalui puisi 'Al-Jabbar', 'Al-Malik' dan juga 'Al-Quddus' (Tasbih Hayar), 'Allah', 'Al-Rahman, 'Al-Rahim', 'AlMalik (Laut Asyik). Ini menjelaskan bahawa tajuk-tajuk puisi-puisi diatas ini menunjukkan namanama Allah yang Maha Menguasa/Memiliki, Maha Suci, Maha Pengasih dan juga Maha Penyayang. Ini sekaligus menunjukkan bahawa pengertian-pengertian tersebut telah jelas menunjukkan hakikat Allah yang Esa, sempurna (Kamal) sifatnya dan ianya kekal wujudnya. Keesaan, kesempurnaan dan juga kesucian Allah inilah yang telah dijadikan oleh hambanya yang bertakwa dan juga serba lemah sebagai tempat berlindung dan ia bergantung. Hanya kekuasaan Allah sahaja yang dapat mengatasi segala-galanya.

Selain itu pula, prinsip Keislaman yang Bersifat Akmal dan juga Teks Tidak Terpisah daripada Nilai-nilai Keislaman iaitu menolak ideologi yang telah bertentangan dengan Islam ini juga telah wujud dalam kajian terhadap puisi-puisi Arifin Arif ini. Dalam kajian ini, ia memberikan gambaran yang cukup jelas dimana Shafei Abu Bakar (1996) ini telah menegaskan bahawa agama Islam yang sempurna ini telah melengkapi pelbagai aspek dalam

kehidupan termasuklah sastera yang mana ia memiliki nilai estetika yang sejajar dengan sifat Jamal Allah. Hal ini dikatakan demikian kerana Islam ini merupakan sebagai agama yang syumul juga harus memancarkan sastera yang mencerminkan keperibadian umat yang syumul. Justeru itu, karya yang telah ditulis oleh penyair ini haruslah juga mempunyai peranan untuk menjelaskan dan juga menyempurnakan agama itu. Dengan itu ia sejajar dengan pengkarya dalam puisi ini sentiasa memberitahu tentang syariat-syariat yang wajib dilakukan oleh orang Muslim seperti solat lima waktu, solat sunat dan juga sentiasa mengamalkan amalan membaca al-Quran kerana ia akan menjadi penyelamat kita pada hari kebangkitan dan juga alam kubur. Ini dapat diperlihatkan bahawa ibadah ini merupakan sebagai satu penyerahan diri kepada Allah dan satu suasana dimana beliau sebagai hamba Allah ini memohon keredaan dan juga keampunan daripada segala perlakuannya. Kajian ini dijalankan oleh Asmiaty Amat, Lokman Abdul Samad, 2014 dari Puisi-Puisi Arifin Arif iaitu bertajuk Satu Analisis Takmilah dari Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah.

Menurut pendapat Mohd Haniff Mohammad Yusoff (2019), Jurnal Intelek Volume 14, Issue 2 (Dec 2019) juga telah membincangkan tentang teori takmilah ini dalam kajiannya yang bertajuk Penyerlahan Kekerdilan Insan dalam Cerpen "*Hari yang Bergelar Kematian*". Apa yang dapat disimpulkan dalam kajian lepas ini, beliau telah membuat penyelidikan tentang beberapa prinsip yang berkaitan dengan teori takmilah. Antaranya ialah prinsip yang bersifat kamal (sempurna) yang mana prinsip ini telah mengetengahkan dua sifat Allah S.W.T iaitu Kamal (sempurna) dan Jamal (keindahan). Kedua-dua sifat Allah S.W.T ini mempunyai kaitan antara satu sama lain sekaligus dalam perhubungannya yang telah dijelaskan oleh penciptaan makhluk yang telah diciptakan oleh Allah dengan sempurna dan

juga sebaik-baik ciptaan tanpa ada kekurangan dan ia masing-masing mempunyai kelebihan. Beliau juga telah menjelaskan bahawa sastera ini juga berkait rapat dengan karya dimana kecantikan dan juga kesempurnaan ini yang telah diberi penelitian melalui karya-karya sastera dan sekaligus dalam keimanan terhadap Pencipta juga dapat diperteguhkan sekaligus ia dapat mengajak serta memujuk pembaca untuk kembali menginsafi diri dan juga mengakui kebesaran Allah S.W.T. Seterusnya, prinsip kerasulan sebagai insan kamil (sempurna) juga telah diberi penelitian khusus dalam kajiannya berdasarkan teori takmilah ini. Ia kerana Rasulullah SAW ini telah dipilih oleh Allah untuk dijadikan contoh dan juga idola seluruh umatnya. Sebagaimana, Kamariah Kamarudin (2017) telah memberi penelitian dalam pemikiran agama Islam, yang mana terdapat tiga konsep Ideal Keinsanan iaitu Insan Kamil, Insan Khalifah, Insan Rabbani iaitu merupakan tahap kedudukan manusia dalam menyempurnakan perintah Allah. Jadi jelaslah bahawa kajian yang dibuat oleh Mohd Haniff Mohammad Yusoff ini berlandaskan dengan penggunaan teori takmilah yang sangat mendalam dan juga cerpen ini telah banyak memberi kaitan antara kehidupan makhluk dengan agama Allah serta dengan Tuhan yang Maha Esa.

Menurut Zaidi bin Ahmad, Azhar Abdul Wahid, Abdul Halim Ali dalam Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, Vol, 8 (2), 2020 yang kajian mereka bertajuk Kerasulan insan kamil membentuk modal insan dalam novel Imam juga telah menyatakan bahawa maksud dan juga teori tentang Takmilah dengan lebih terperinci. Ini kerana Insan Rabbani ini merupakan seorang makhluk ataupun insan yang dirinya berada dekat dengan Allah SWT. Malahan dalam Islam, insan Rabbani ini ia memfokuskan terhadap bagaimana ataupun sejauhmana tahap kemampuan hamba Allah swt dalam dunia ini yang ianya memberikan gambaran keperibadian murni bagi memimpin sesebuah masyarakat berdasarkan

pengabdianya (ubudiyah) yang tulus dan juga luhur terhadap Allah SWT (Kamariah Kamaruddin, 2011). Terdapat watak utama dalam novel *Imam* ini iaitu Haji Mihad yang mana beliau digambarkan sebagai seorang imam yang sangat luas ilmu agamanya. Seterusnya juga, terdapat watak-watak sampingan juga turut memiliki sifat insan Rabbani yang telah bertindak sebagai manusia cemerlang yang telah berusaha bagi mendapatkan kesejahteraan dan juga keamanan dalam masyarakat yang digambarkan telah mula dipengaruhi oleh orang-orang luar yang berkembang dengan kemodenan pada hari ini.

Menurut kajian daripada Abdul Rozak, Sobihah Rasyad, Atikah tentang Fakta Kemanusiaan dalam Novel *Ayat-Ayat Cinta 2* karya Habiburrahman El Shirazy ini telah menyatakan bahawa novel ini telah dikaryakan oleh Habiburrahman El Shirazy ini iaitu tentang kemanusiaan di dalam novel *Ayat-Ayat Cinta 2*. Kajian ini telah dikait dengan permasalahan sosial yang mana ia bersifat actual dan juga factual seperti permasalahan Islamofobia, konflik di Palestin dan juga di Israel, masalah perekonomian dan juga masalah sosial lainnya terkait dengan sikap muslim sebagai minoritas. Malahan novel ini juga telah menyajikan sebuah gagasan mengenai solusi atas permasalahan sosial, berupa sikap menjadikan al-Quran dan juga hadis sebagai pendoman hidup manusia. Justeru itu, pengkaji telah membuat kajian ini agar ia dapat memberi kebaikan kepada para pembaca dan ia sekaligus penulis atau pengkarya telah memberi cadangan kepada pengkaji seterusnya yang mahu menjalankan kajian ini terhadap novel *Ayat-Ayat Cinta 2* yang telah memberi fokus pada aspek-aspek spiritual, dan psikologis tokoh utama kerana novel ini dapat dijadikan sebagai media untuk memperoleh wawasan dan kepekaan terhadap masalah sosial, terutamanya banyak perpecahan di berbagai lapisan masyarakat, masalah ekonomi dan juga

kejahatan kemanusiaan yang telah diberikan di pelbagai media seperti konflik Palestina dan Israel.

Menurut Syarifah Salha Syed Ahmad, Mohd Rosli Saludin, Adenan Ayob lagi, dalam kajian beliau yang bertajuk Aplikasi Teori Takmilah Dalam Fara'id Al Fawa'id AlFikra Fi Allmam Al-Mahdi yang mana kajian ini merupakan satu analisis tentang kepimpinan Islam (2019). Didalam kajian ini juga terdapat beberapa unsur-unsur keislaman yang dapat dikaji dan diambil kira iaitu Ab. Aziz Mohd Zin (1991) juga telah menjelaskan serba sedikit tentang dakwah ini yang mana perkataan ini dari Arab berasal daripada perkataan Arab yang telah membawa maksud meminta tolong, memandu, menjemput, mengajak, menyeru, memanggil, beribadat ataupun melaung. Dakwah ini diberikan kepentingan yang telah difirmankan oleh Allah SWT dalam al-Quran melalui Surah AliImran Ayat 110 yang membawa maksud: Adalah kamu sebaik-baik umat, yang telah dilahirkan bagi manusia (supaya) kamu menyuruh dengan ma'ruf dan melarang dari yang mungkar, serta beriman kepada Allah. Kalau berimanlah ahli kitab, nescaya lebih baik bagi mereka, tetapi setengan mereka beriman dan kebanyakan mereka fasik. Oleh yang demikian, dapat memahami bahawa dakwah bukanlah hanyalah seruan atau ajakan untuk mengajak manusia kepada agama Allah SWT bahkan ia merupakan dakwah yang mana satu usaha untuk mengajak manusia menjalankan perkara yang baik dan meninggalkan perkara yang dimurkai oleh Allah ataupun yang tidak baik. Dengan ini, tugas berdakwah ialah satu tanggungjawab yang berat harus dijalani oleh seorang pemimpin yang semestinya memiliki keperibadian yang tertentu.

Menurut Jamail Masador, Abdul Halim Ali dan Azhar Wahid (2021) dari Institut Peradaban Melayu, Universtiti Pendidikan Sultan Idris telah membuat kajian tentang Nilai Kepahlawanan dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang di Sabah juga turut

membincangkan tentang teori Takmilah ini. Mereka menyatakan bahawa teori ini telah dikemukakan oleh Hashim Awang (2002), iaitu salah satu daripada teori mandiri selain Puitika Sastera Melayu, Takmilah dan sebagainya (Hamdan Yahya, 2012). Lantaran itu juga, Mana Sikana (Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim, 2018) yang telah menyatakan bahawa teori ini merupakan satu pendekatan sastera Melayu yang telah bertunjangkan daya kreatif, penghasilan sastera yang kaya, keakraban dengan gejala alam dan juga kehalusan budi Melayu. Dengan teori Pengkaedahan Melayu ini, Hashim Awang juga telah membahagikan teori ini kepada dua pengkaedahan iaitu Pengkaedahan Alamiah dan juga Pengkaedahan Keagamaan (Abdul Halim Ali, 2016). Didalamnya terdapat enam pendekatan yang boleh diambil pakai iaitu Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral, Pendekatan Kemasyarakatan, Pendekatan Firasat, Pendekatan Dakwah dan juga Pendekatan Seni (Abdul Halim Ali, 2018).

Menurut kajian daripada Abdul Rozak, Sobihah Rasyad, Atikah tentang Fakta Kemanusiaan dalam Novel *Ayat-Ayat Cinta 2* karya Habiburrahman El Shirazy ini telah menyatakan bahawa novel ini telah dikaryakan oleh Habiburrahman El Shirazy ini merupakan novel yang kaya dengan muatan nilai-nilai dakwah lainnya. Malahan novel ini juga telah menyajikan permasalahan-permasalahan actual dan factual. Seterusnya juga, di dalamnya telah memuatkan banyak gambaran tentang cara untuk menghadapi ataupun menyelesaikan suatu persoalan dengan memperhatikan pelbagai aspek dan mencari punca tentang permasalahannya.

Menurut Samsina Abd. Rahman (2002) yang telah menggunakan teori Takmilah ini dalam puisi-puisi Melayu menunjukkan bahawa terdapat puisi-puisi yang telah ditulis oleh penyair Melayu yang mana ia telah diaplikasikan dengan menggunakan teori Takmilah



berdasarkan contoh-contoh yang telah diberikan oleh beliau. Ini sekaligus menjelaskan bahawa teori ini juga telah dibuat kajian dan diguna pakai oleh golongan sarjana untuk mengkaji karya-karya Islam yang terdapat di Malaysia sejak ia mula diperkenalkan. Selain itu juga, kajian yang terkini yang mana ia telah dijalankan oleh Kamariah Kamaruddin (2011) dengan mengkaji novel-novel Islam yang telah memenangi pertandingan mengarang novel yang berunsurkan unsur-unsur Islam.

Selain itu, melalui penelitian dan juga kajian tersebut, iaitu kajian tentang PuisiPuisi Ariffin Arif (Asmiaty Amat, 2014) bahawa tidak semua novel yang berunsur Islam ini dapat berjaya menerangkan dan menyerlahkan tentang Islam secara tuntasnya. Hal ini dikatakan demikian kerana, nilai-nilai ketauhidan ini dan juga segala prinsip yang telah terkandung dalam teori Takmilah ini tidak dapat berjaya digarapkan oleh kebanyakan penulis novel. Malahan ia dianggap kebanyakan novel ini lebih bersifat penulisan tentang Islam hanyalah pertandingan sahaja

### **2.3 KESIMPULAN**

Kesimpulannya berdasarkan kajian literatur ini dapat dilihat bahawa setiap pengkaji mempunyai cara dan pandangan mereka sendiri dalam menjelaskan maksud unsurunsur, prinsip-prinsip Islam dan juga penggunaan Teori Takmilah. Tidak dinafikan bahawa setiap pandangan yang diberikan disertakan dengan contoh yang senang difahami dimana ia banyak membantu pengkaji baru untuk melakukan kajian ini. Melalui bab dua ini dapat dilihat bahawa penggunaan unsur Islam merangkumi ruang lingkup yang lebih luas. Hal ini, sorotan

kajian ini adalah merupakan rujukan sah untuk pengkaji mendapatkan idea untuk mendapatkan sumber maklumat tambahan.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 PENGENALAN**

Bab tiga akan membicarakan cara dan kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi menganalisis unsur islam dalam novel *Anding Ayangan II* karya Ramlee Awang Murshid. Pada bahagian ini beberapa perkara akan dijelaskan dan diperincikan dengan lebih lanjut iaitu struktur kajian, kaedah kajian dan cara menganalisis teks. Dalam bab ini juga akan membincangkan tentang pembacaan data dengan merujuk teks *Anding Ayangan II*. Seterusnya pemilihan data dilakukan untuk menilai sesuatu data mengikut objektif kajian yang diusulkan. Disamping itu penggunaan teori Takmilah dirumus melalui beberapa aspek seperti unsur unsur Islam yang berada dalam novel *Anding Ayangan II*.

#### **3.2 REKABENTUK KAJIAN**

Reka bentuk ini dilakukan bagi mengenalpasti hala tuju kajian yang dilakukan bagi menjadikan kajian dapat dilakukan berdasarkan cara yang betul. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam mengumpul, meneliti dan juga menganalisis maklumat serta data.



Struktur kajian tertumpu kepada objektif kajian yang hendak dicapai dan menjadi hala tuju bagi menganalisis unsur-unsur Islam yang berada dalam novel *Anding Ayangan II*. Teori Takmilah ini menjadi asas bagi meneliti peranan unsur Islam yang akan mempengaruhi dalam diri manusia. Teori ini bersifat holistik ia kerana unsur-unsurnya telah terlibat dalam pelbagai ruang yang mana ia berprinsip dalam ketuhanan yang bersifat insan yang kamil, ilmu sastera yang bersifat sempurna.

Reka bentuk kajian yang dilaksanakan ini tertumpu kepada cara atau jalan penyelesaian dan juga cara untuk memperolehi hasil dari analisis bagi menjawab beberapa persoalan yang telah diwujudkan. Selain itu reka bentuk kajian ini menjadi salah satu langkah yang diguna pakai untuk mencapai objektif yang hendak dicapai oleh penyelidik. Objektif-objektif kajian tersebut adalah:

1. Mengenalpasti unsur Islam yang ditonjolkan dalam novel *Anding Ayangan II*.
2. Menganalisis prinsip-prinsip teori Takmilah dalam novel *Anding Ayangan II*.

Seterusnya bagi mencapai objektif tersebut pengkaji berusaha sebaik mungkin untuk melakukan dan mencipta kaedah dan juga jalan penyelesaian bagi merealisasikan tujuan asal kajian. Pada awal kajian pengkaji telah melakukan beberapa proses tinjauan dan juga penelitian bagi mengelakkan sebarang masalah yang wujud dalam kajian. Selepas melakukan pemilihan tajuk yang sesuai pengkaji telah melakukan analisis terhadap teks novel *Anding Ayangan II* karya Ramlee Awang Murshid dimana ia hanya tertumpu kepada teks sahaja dalam menganalisis unsur Islam yang dihasilkan oleh pengarang. Setiap data yang diperolehi akan dianalisis sebelum dijadikan hujah dalam dapatan kajian.

### 3.3 KAEDAH KAJIAN

Kajian yang dilakukan ini merupakan teks *Anding Ayangan II* yang ditulis oleh Ramlee Awang Murshid. Kajian ini akan dilakukan secara pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah pemerhatian. Novel ini memiliki 58 bab dan akan dilihat serta difokuskan beberapa aspek seperti mengkaji unsur Islam yang telah diketengahkan oleh penulis. Selain itu, penelitian dan pembacaan teks juga dilakukan bagi mengetahui isi dan maklumat yang dipaparkan dalam teks *Anding Ayangan II*. Hasil dari pembacaan teks, pengkaji dapat mengetahui unsur Islam yang cuba diketengahkan oleh pengkarya serta melakukan analisis yang dimasukkan dalam novel tersebut.

Kajian internet dan kepustakaan juga dilakukan bagi menguatkan lagi pendapat dan hujah yang telah dilaksanakan. Teks novel *Anding Ayangan II* ini berlatarkan sarat dengan unsur-unsur Islam yang mampu memberikan ikhtibar dan menyedarkan masyarakat tentang kebergantungan hidup perlu dilandaskan dengan pegangan agama Islam. Selain itu, kajian ini juga akan menjadikan teori Takmilah sebagai asas kepada unsur-unsur Islam dalam teks *Anding Ayangan II* ini. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini mendapati bahawa novel *Anding Ayangan II* karya Ramlee Awang Murshid mampu menjadi medium dalam mengembangkan agama Islam kepada masyarakat kerana mempunyai elemen-elemen agama yang mampu mewujudkan insan yang terus berpegang dengan ajaran agama Islam.

#### **3.3.1 Kaedah Kepustakaan**

Kaedah kepustakaan memfokuskan kepada pencarian bahan di perpustakaan. Pengkaji memperolehi bahan kajian di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. Kaedah ini dilakukan dengan membuat penelitian terhadap dokumen berkaitan dengan tajuk kajian

seperti jurnal, artikel, majalah dan juga dokumen bertulis yang sesuai. Semua dokumen dan data yang diperoleh hasil dari penelitian kepustakaan dianalisis dan dibuat penelitian tentang kesahihan sumber sebelum dijadikan panduan dalam kajian.

### **3.3.2 Kaedah Analisis Tekstual**

Analisis semua maklumat yang mempunyai kaitan dengan kajian merupakan perkara yang harus diberikan penekanan oleh para pengkaji supaya ia memperolehi maklumatmaklumat dan data yang penting untuk meneruskan kajian yang hendak dijalankan. Selain itu juga analisis berdasarkan dokumen ini mestilah mempunyai perhatian yang sebaik-baiknya dan juga ianya tidak melanggar peraturan serta pelbagai kesalahan dalam menjalankan penulisan dalam kajian ini. Perkara sebegini diambil maklum dan penting bagi mendapatkan maklumat jelas, tepat serta membolehkan untuk menyiapkan atau melengkapkan hujah-hujah dalam kajian. Oleh itu juga maklumat ataupun data ini dapat disampaikan melalui pelbagai bentuk yang mana ianya terdiri daripada gambar, simbol dan juga bentuk tulisan. Selain itu juga dalam analisis teks ini ianya dapat memberikan maklumat yang lebih jelas serta dari sumber yang jelas tentang isu dan juga masalah yang ingin dikaji oleh pengkaji.

Selain itu juga terdapat sebahagian jenis dokumen boleh digunakan untuk menjadi rujukan iaitu Tesis Sarjana, Jurnal, Doktor Falsafah, teks Anding Ayangan II dan bukubuku rujukan. Dalam menjalankan rujukan didalam dokumen pengkaji boleh menganalisis objektif, tujuan kajian dan juga hasil daripada penyelidikan yang dijalankan. Maklumat seperti ini sanga membantu serta berguna untuk mengukuhkan hujah dan mempelbagaikan rujukan yang berkaitan dengan teori Takmilah, unsur-unsur Islam dan novel Anding Ayangan II.

### **3.3.3 Sumber Internet**

Penggunaan sumber internet dijalankan dalam kajian bagi mendapatkan maklumat yang lengkap, sahih dan berkualiti. Pengkaji merujuk sumber internet untuk mendapatkan maklumat tambahan untuk melengkapkan kajian dilakukan iaitu bagi mengetahui dengan lebih lanjut apakah unsur-unsur Islam yang akan dilakukan dalam penelitian kajian ini. Menurut Lani Sidharta (1996) berpendapat bahawa internet merupakan salah satu ruang sejarah dan juga informasi yang mempunyai data base atau perpustakaan multimedia yang besar dan lengkap. Oleh itu, sumber internet amat penting dalam mencari info atau maklumat dengan cepat. Sumber internet juga mempunyai pelbagai jenis aspek yang dapat dilihat seperti politik, hiburan, pendidikan dan lain-lain. Antara laman sesawang yang boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dalam kajian adalah *Google Scholar*, Dewan Bahasa dan Pustaka, *Scribd* dan *Academia*. Para pengkaji juga hendaklah tidak mengambil secara langsung sesuatu maklumat bagi mengelakkan berlakunya plagiat dan mengekalkan ketulenan sesebuah maklumat.

## **3.4 TEORI TAKMILAH**

### **3.4.1 Sejarah Ringkas Teori**

Teori Takmilah ini merupakan sebuah teori yang telah diberi dan juga telah diasas oleh seorang mantan pensyarah dari university yang terkemuka di Malaysia ini pada tahun 1993. Malahan teori ini juga telah dianggap dan ia merupakan satu-satunya teori yang berasaskan Islam yang mana teori ini juga membuka ruang untuk analisis dan juga kritikan secara terus dengan konsep tauhid. Selain itu juga, teori ini telah wujud dalam pembentangan daripada

beberapa kertas kerja yang telah membincangkan tentang teori dan juga konsep-konsep sastera Islam. Seterusnya juga 'Takmilah' ini telah wujud daripada perkataan asal yang berhubung dengan tajmilah dan juga Jamal. Dalam bahasa Arab pula Takmilah ini bermaksud kesempurnaan.

Fungsi teori ini digunakan untuk mengkaji unsur-unsur Islam yang dimiliki oleh seseorang individu ataupun masyarakat. Teori ini seterusnya akan menganalisis sejauh mana unsur Islam ini mampu mempengaruhi keperibadian seseorang terutama dalam kehidupan antara manusia lain. Seseorang yang mempunyai unsur agama Islam yang positif akan menjadikan seseorang lebih positif dalam semua hal manakala ketika seseorang menghadapi nilai-nilai agama yang negatif seperti meninggalkan suruhan agama Islam dan juga sunnah-sunnah Rasulullah akan menyebabkan seseorang sukar untuk mengawal diri sendiri dalam melakukan sesuatu yang baik.

#### **3.4.2 Ciri Teori Takmilah**

*Anding Ayangan II* mengisahkan tentang waktu dan dunia yang berbeza namun memiliki watak utama pada setiap zaman. Di dunia fana atau nyata, Furqan Ayyubi menjadi seorang yang telah lama hanyut oleh dunia dan tidak mengamalkan Islam dalam kehidupan seharian meskipun ayahnya merupakan seorang yang alim dan qari'. Furqan Ayyubi mula insaf dan diberikan hidayah setelah berlaku peristiwa hitam dalam hidupnya. Seterusnya watak di dunia dongeng dapat dilihat pada watak Nyian. Nyian menganggap bahawa dirinya seorang penglipur lara yang mempunyai kuasa sakti namun sering menafikan bahawa ucapannya bukanlah sebuah jampi. Kesaktian yang sering dikatakan oleh Nyian adalah segala pertuturannya akan menjadi kenyataan menyebabkan Nyian bercita-cita untuk menjadi raja

di dunia dongeng ini. Selain itu, masa silam memfokuskan watak Pangeran Haji Durrahman dan Pangeran Haji Bolhassan iaitu adik beradik yang bertanggungjawab dalam menegakkan agama Islam dalam kalangan masyarakat di kampungnya dan ketua yang memastikan Anding sentiasa hidup dalam ketakwaan kepada Allah. Mereka mempunyai anak asuhan iaitu Salleh namun dia hampir menemui ajal disebabkan terkena sihir dan menyebabkan hubungannya dengan Dang Bisai juga menghadapi masalah.

Oleh itu, terdapat beberapa unsur agama dan juga ciri-ciri takmilah yang dapat dijadikan pegangan utuh agar masyarakat dapat membezakan perbuatan yang baik dan buruk, salah dan juga benar agar tidak tertipu dengan tipu helah dunia.

#### **3.4.3 Pendekatan Takmilah melalui Prof. Madya Dr. Shafei Abu Bakar**

Teori ini pada dasarnya merupakan sebuah perkembangan yang baharu didalam dunia sastera di Malaysia. Hal ini kerana telah menjadi alternatif yang membawa kepada keseronokan dalam teori sastera daripada Barat yang mana dunia Barat ini telah menguasai dunia sastera tempatan pada hari ini. Ia melalui aspek-aspek daripada alQuran dan juga al Hadis. Manakala hasil daripada pemikiran dan juga kajian yang telah dijalankan oleh Prof Madya Dr Shafei Abu Bakar ini yang telah berkonsepkan aspek-aspek estetika dan juga falsafah-falsafah Islam yang mengandungi prinsip tauhid dan juga teori ini telah diluluskan. Hal ini kerana melalui konsep penekannya itu takmilah merupakan konsep yang membawa kepada kepahaman dalam sesebuah karya-karya sastera yang mana ia merupakan salah satu daripada unsur-unsur seni yang telah diberi penekanan yang sempurna serta mengandungi aspek keindahan. Selain itu juga, teori Takmilah ini telah dianggap sebagai teori yang pertama dalam teori sastera Islam yang telah berada di dalam Malaysia yang mana ia telah diberi fokus dalam


analisis dan juga diberi kritikan yang secara terus terhadap konsep tauhid. Malahan kewujudan teori Takmilah ini telah memberi ruangan yang mudah kepada para-para pengkaji yang ingin menjalankan kajian, ulasan dan juga sebagainya yang berteraskan prinsip-prinsip Islam.

Selain itu juga teori Takmilah ini merupakan sebuah analisis yang mana ia bersifat sempurna yang telah merangkumi aspek yang mana antaranya ialah karya, pengkarya dan juga masyarakat kepada al Khaliq. Ini kerana ia telah menjadi sebahagian daripada puncak estetik dan juga yang bersikap hakiki. Hal ini juga dari bahagian karya pula menurut Takmilah ini, ia seharusnya menjadi sesebuah karya yang boleh merapatkan sebuah hubungan melalui pengkarya dan juga masyarakat kepada Allah. Masyarakat juga perlulah boleh mempertingkatkan keimannya ataupun dapat membina sebuah kritikan yang boleh memberi kesedaran kepada orang ramai tentang agama Allah dan juga hubungan dengan Allah.



### 3.5 KERANGKA TEORITIKAL

Kerangka teoritikal ini merupakan kerangka yang dapat memberi gambaran keseluruhan dan langkah bagi mencapai objektif kajian yang telah dirancang dan juga diperbincangkan.



### **3.6 KESIMPULAN**

Kesimpulannya kaedah kajian sangat dalam sesebuah kajian. Hasil kajian haruslah mempunyai kualiti yang bagus merupakan hasil dari kaedah kajian yang betul. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap hasil kajian yang dilakukan didapati berdasarkan kaedah yang mempunyai struktur yang teratur dan jelas. Selain itu dalam menyediakan kaedah kajian hendaklah berteraskan sumber yang sahih dan tepat kerana sumber yang betul mampu menjadikan sesebuah kajian itu baik berdasarkan metodologi kajian. Teks *Anding Ayangan II* digunakan sebagai analisis dalam mengkaji unsur Islam berdasarkan teori Takmilah. Jelaslah bahawa metodologi kajian merupakan perkara asas yang perlu ada sebelum mendapatkan hasil kajian yang diciptakan oleh pengkaji.

## **BAB 4:**

### **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

#### **4.1 PENGENALAN**

Bahagian ini akan membincangkan perkara yang berkaitan dengan dapatan kajian yang diperoleh iaitu hasil daripada kajian yang dilakukan terhadap Unsur-Unsur Islam dalam Novel *Anding Ayangan II* karya Ramlee Awang Murshid berdasarkan Teori Takmilah.

Pada bahagian ini juga akan memberikan penjelasan yang lebih terperinci kepada UnsurUnsur Islam dalam novel *Anding Ayangan II* karya Ramlee Awang Murshid dan juga akan memberikan penerangan yang lebih jelas tentang teori Takmilah bersertakan prinsipprinsip yang terdapat dalam teori ini. Selain itu, Ramlee Awang Murshid ini merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau ini juga terkenal sebagai penulis novel dan juga wartawan di sebuah stesen penyiaran yang terkenal di Malaysia ini. Novel-novel yang telah dihasilkan oleh Ramlee Awang Murshid ini merupakan novel yang magis dan beliau berjaya menghasilkan novel sebanyak 25 di sepanjang penglibatannya dalam bidang novel ini. Selain itu juga beliau telah terkenal dalam novel genre thriller sehingga mendapat jolokan novelis thriller yang pertama di Malaysia.

Seterusnya, novel sudah tidak lagi asing dalam masyarakat kita pada hari ini kerana kebanyakannya pelbagai peringkat umur suka akan membaca novel dan juga suka mengkaji novel-novel yang terdapat di Malaysia. Hal ini kerana dengan membacanya novel ia dapat memberikan sebuah suntikan dan juga pengajaran kepada pembaca. Novel ini juga ia bergantung kepada gaya penceritaan dan juga gaya penulisan yang dapat memberikan kefahaman kepada pembaca dengan plot-plot yang menarik dan juga kepelbagaian warna nilai yang terdapat dalam novel ini akan menjadikan ia merupakan salah satu novel yang patut dihayati dan juga dibaca oleh masyarakat pada hari ini. Malahan penggunaan bahasa dalam novel yang padat dan juga ringkas dapat memberikan tahap pencapaian yang ingin di sampaikan dalam novel ini yang boleh menjadikan pembaca seolah-olah diberikan gambaran yang jelas tentang perkara-perkara yang berlaku dalam novel yang dibaca.

Dalam perbincangan bab 4 ini, pengkaji telah menggunakan teori Takmilah oleh Shafie Abu Bakar (1998) supaya dapatan kajian dapat dianalisis dengan lebih tepat dan juga jelas untuk mencapai objektif kajian pengkaji yang telah ditetapkan. Apa yang dimaksudkan dengan teori Takmilah ini adalah ianya berasal daripada kata akar kamal yang mana ia mempunyai hubungan dengan Tajmilah dan juga Jamal. Ini juga kerana perkataan ini merujuk Takmilah iaitu istilah yang berasal daripada Arab yang memberi maksud penyempurnaan. Dalam teori ini terdapat beberapa tahap penggunaannya sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar. Seterusnya tahap penggunaan yang pertama ialah kertas kerja yang mana ia mempunyai kaitan dengan teori yang telah dituliskan oleh Shafie Abu Bakar yang bertajuk “Sastera Islam: Teori Pengindahan dan Penyempurnaan dalam Rangka Tauhid”. Kertas ini juga telah dibentangkan di Port Dickson pada tahun 1992.

Disamping itu juga seminar yang telah dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur ini juga telah berjaya dalam memberikan penonjolan tentang penggunaan kata tajmilah yang bermaksud pengindahan dan juga kata takmilah yang bermaksud penyempurnaan. Dengan ini, Shafie Abu Bakar juga telah meneruskan tentang penggunaan kata takmilah ini dalam kertas kerja yang bertajuk “*Teks Hadiqat al-Azhar wa al-Rahayin: Sebagai Model Sastera Islam*” dalam seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu III yang telah dianjurkan oleh Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1993. Seterusnya kertas kerja ini juga telah berjaya dalam menonjolkan maksud takmilah yang telah digunakan dalam pengolahan teks walaupun bukan sebagai tajuk kertas kerjanya.

Langkah terakhir ataupun perkara yang terakhir beliau telah berjaya yang mana penggunaan kata takmilah ini menjadi pilihan Shafie Abu Bakar dalam tajuk kertas kerja

sewaktu Nadwah Sastera Islam Antarabangsa yang telah dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1993 dengan judul “Takmilah: Teori Sastera Islam. Oleh itu pemeringkatan penggunaan teori ini, gagasan teori Takmilah menetapkan ciri-ciri tertentu untuk mengukur kedudukan sesebuah teori sastera Islam. Menurut Shafie Abu Bakar (1988), ciri-ciri yang perlu ada dalam sastera Islam ialah pertama, harus ada di ruang lingkup falsafah tauhid dan kedua teks yang telah digunakan itu tidak boleh dipisahkan daripada nilai-nilai yang berkonsepkan keislaman.

## **4.2 Unsur Islam dalam novel *Anding Ayangan II* karya Ramlee Awang Murshid menggunakan teori Takmilah.**

### **4.2.1 Prinsip Kerasulan yang Bersifat Kamal (Sempurna)**

Teori Takmilah ini mempunyai tujuh prinsipnya iaitu yang pertama prinsip kerasulan yang bersifat Kamal iaitu sempurna. Kesempurnaan-Nya terpancar melalui makhluk kejadianNya. Ini kerana kewujudan manusia yang telah dibentuk oleh Allah SWT ini merupakan sebaik-baik kejadian yang memperlihatkan sifat Kamal dan juga Jamalnya. Selain itu juga prinsip takmilah yang pertama ini telah menekankan aspek ketuhanan dalam sesebuah karya dimana ia untuk sampai kepada tahap yang sempurna. Prinsip kesempurnaan ini juga dapat dilihat melalui makhluk dan juga alam ciptaan-Nya. Oleh itu, perkara ini telah mencerminkan aspek keindahan yang estetik terhadap manusia iaitu kejadian mereka telah disempurnakan oleh Allah SWT sebagai Yang Maha Sempurna dan juga Yang Maha Indah. Rentetan itu dalam konteks sastera juga telah menjadikan manusia itu dan juga alam sebagai

fokus dalam berkarya dan juga telah menjadikan seni itu sebagai satu keindahan dimana penulis itu perlu meningkatkan diri ke arah kesempurnaan.

Selain itu, prinsip yang pertama dalam teori Takmilah membawa maksud sebuah hubungan dua sifat Allah SWT yang merupakan “kamal” (sempurna) dan “jamal” (keindahan). Sifat-sifat ini mempunyai hubungan erat yang dapat menghubungkan Allah SWT dengan manusia. Penelitian sifat “kamal” dan “jamal” dilihat melalui kewujudan manusia yang dicipta oleh Allah SWT dengan sebaik-baik kejadian. Berdasarkan proses penciptaan manusia dan kejadian alam melalui sifat “kamal” ada pada Allah telah wujudnya sifat jamal-Nya. Ini kerana ianya sudah ada dalam al-Quran tentang kekuasaan Allah dalam mencipta makhluknya dapat mempamerkan ‘kesempurnaan’ serta ‘keindahan’. Terdapat surah yang menerangkan tentang kesempurnaan ini iaitu Surah Tin dalam ayat keempat yang mentafsir dan memberi maksud “*Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baik nya*”.

Prinsip sebegini menunjukkan tentang keistimewaan estetik manusia yang mana kewujudan manusia ini dicipta dengan sempurna oleh Allah SWT merupakan Yang Maha Sempurna dan Yang Maha Indah. Oleh itu dalam sastera yang menjadikan manusia dan alam sebagai fokus dalam berkarya serta seni sebagai satu keindahan, penulis harus meningkatkan diri ke arah kesempurnaan. Shafie 1997 mengasaskan bahawa rangka teori berhubungan dengan Allah SWT, sastera dilihat tidak asing daripada Islam tetapi melambang kesyumulan Islam. Oleh itu juga dalam kajian ini terdapat beberapa unsur Islam di dalam novel *Anding Ayangan II* ini yang berkait rapat dengan teori Takmilah.

### **Beriman kepada Qada dan Qadar**

Di dalam Islam ia telah mensyariatkan sesuatu kepada manusia untuk peka, berpegang teguh dan juga mengingati kepada pencipta-Nya. Justeru itu juga apa yang berlaku dan setiap perkara yang telah terjadi itu merupakan takdir Allah SWT dimana tujuannya ialah untuk memberikan perkara yang terbaik kepada hamba-Nya. Selain itu juga menurut Abdul Basit Abd. Rahman (2012), iaitu dalam Keindahan Islam ini juga ada menyatakan bahawa Qada' ini bermaksud sesuatu yang telah berlaku mengikut kehendak dan juga telah ditakdirkan oleh Allah SWT atasnya manakala Qadar ini pula memberi maksud takdir Allah SWT ke atas kesemua yang telah wujud mengikut ilmu-ilmu-Nya yang bersesuaian dan juga bertetapan dengan hikmat-Nya. Oleh itu, disini jelaslah dapat diberikan pemahaman iatu Qada' dan Qadar ini merupakan takdir Allah yang telah ditetapkan bagi manusia untuk kehidupannya di dalam bumi ini supaya terus menjadi hamba-Nya yang sentiasa bersabar dan juga bersyukur dengan apa yang telah dikurniakan.

Selain itu juga dalam Islam juga memberikan penekanan dimana mempercayai qada' dan qadar ini merupakan salah satu daripada rukun akidah yang mana qada' dan qadar ini telah diberikan penerangan dan juga penelitian secara meluas oleh para-para ilmunan. Malahan dalam *Ahli Sunnah Wal Jamaah* ini juga telah percaya kepada takdir. Ahli-ahli ini telah memberikan rumusan yang mana semua yang perkara yang telah berlaku ini dan juga yang telah terjadi di dalam bumi ini semuanya sudah ditentukan dan juga telah ditetapkan oleh Allah SWT dan kesemua yang telah terjadi ini sebagai contoh ajal, maut dan juga jodoh sudah tertulis di Luh Mahfuz terlebih dahulu lagi.



Manakala maksud ini juga selari dengan pandangan Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2008), yang mana beliau juga memberikan maksud yang sama iaitu qadar ini merupakan ketetapan yang telah ditentukan oleh Allah SWT pada makhluk, hambanya sejak azali lagi. Manakala qada' pula merupakan sebuah pelaksanaan apa yang telah digariskan oleh Allah SWt sejak azali lagi juga. Ini juga memberi gambaran yang jelas tentang qada' dan qadar ini membawa maksud sebuah ketetapan yang dilaksanakan Allah SWT sejak azali lagi. Seterusnya menerusi teks novel *Anding Ayangan II*, pekara yang melibatkan tentang qada' dan qadar turut ditonjolkan melalui dengan petikan seperti di bawah ini.

Sudah 24 tahun berlalu semenjak peperangan terakhir yang telah mengorbankan rasa cinta dan kasih. Nyaris mengorbankan rasa iman dan takwa. Maka berbaik sangkalah Chahaya atas tragedi buruk yang membunuh seluruh orang yang dikasihi. Sesungguhnya dalam kesukaran pasti aka nada kelapangan. Pasti ada hikmah ALLAH.

(*Anding Ayangan II 2019, hlm 190*)

Berdasarkan kepada petikan di atas ini, ianya dapat dilihat tentang beriman kepada qada' dan qadar ini penting kepada kita kerana sebagai umat Islam haruslah mempercayai tentang kewujudan qada dan qadar. Hal ini dapat dinyatakan dengan Chahaya telah redha dengan ketentuan Allah iaitu dia sudah kehilangan orang yang paling dia kasihi dan juga sayang iaitu Furqan Ayyubi. Selain itu juga Chahaya ini juga telah yakin bahawa cintanya itu sudah berada di dunia yang lain. Oleh itu dapat dibuktikan bahawa dengan peristiwa ini, Allah telah menguji manusia, hambanya dengan pelbagai keadaan supaya manusia itu sentiasa mengingati-Nya dan juga sentiasa berlapang dada dengan setiap masalah yang

berlaku dalam kehidupan kerana apa yang berlaku seperti musibah ataupun ujian ini merupakan takdir yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Di samping itu juga setiap qada' dan qadar Allah ini akan jua berubah dengan keizinan-Nya.

Perkara ini telah jelas menunjukkan kepada kita sebagai hambanya ini bahawa Allah SWT yang memberikan penyakit dan Allah jualah yang akan menyembuhkannya. Begitu juga dapat dikaitkan dengan petikan diatas yang mana Allah telah mengambil Furqan Ayyubi dan akan gantikan dengan yang lebih baik dan ada hikmah dari apa yang berlaku ini. Perkara seperti inilah yang telah menunjukkan bahawa kuasa Allah SWT ini lebih berkuasa daripada segala-galanya. Malahan segala yang telah ditetapkan oleh Allah SWT akan tetap berlaku tanpa ada halangan walaupun sedikit dan perkara ini juga dapat kita lihat dengan jelas dalam ayat al-Quran dalam surah Yaasin ayat 82 yang memberikan maksud: *“Sesungguhnya urusan-Nya apabila Dia menghendaki sesuatu adalah berkata kepadanya: “Jadilah! Maka terjadilah ia.”* (Surah Yaasin: 445).

Seterusnya berdasarkan contoh daripada petikan yang diberikan oleh pengarang novel ini ialah kita dapat lihat unsur Islam yang dipamerkan melalui aspek akidah iaitu qada' dan qadar Allah SWT dan ini sekaligus telah menjadikan pengarang telah memenuhi teori Takmilah yang pertama iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal (Sempurna). Selain itu juga unsur Islam ini juga telah diperkatakan dengan mempamerkan sifat Kamal dan Jamal Allah yang menerusi kekuasaan-Nya yang telah emnurunkan segala ujian dan juga musibah kepada hamba-hamba-Nya yang dikehendaki olehnya. Justeru itu qada' dan qadar ini juga telah diberikan bagi tujuan untuk menguji tahap kemampuan dan juga kesabaran seseorang manusia didalam perjalanan bagi mengukuhkan ketakwaan kepada penciptanya.

Akhir sekali unsur Islam yang mana qada' dan qadar ini telah membuktikan bahawa kekuasaan dan juga kebesaran yang telah ada pada Allah SWT ini bersifat Kamal dan juga Jamal dan sekaligus unsur ini selari dengan prinsip yang menjadi kajian iaitu prinsip teori Takmilah yang pertama yang mana dengan prinsip ini dapat memberikan sejauhmana Chahaya redha dengan ketentuan qada' dan qadar Allah SWT.

### **Berdoa**

Doa sebuah senjata bagi manusia yang bergelar mukmin dan Allah SWT sangat suka akan hamba-Nya yang selalu berdoa kepada-Nya. Ini kerana manusia beriman selalu memanjatkan doa kepada penciptanya. Selain itu juga segala ujian malahan halangan telah dilalui oleh manusia-manusia di atas muka bumi Allah ini merupakan satu ujian yang telah diberikan oleh Allah SWT bagi meningkatkan tahap-tahap keimanan dalam diri seseorang hamba-Nya itu. Ini kerana manusia yang telah diuji itu akan terus mencuba dalam beriktihar dan juga berusaha sehabis baik mungkin bagi melalui dan juga menghadapi ujian yang telah diberikan itu dengan melalui berdoa kepada Yang Maha Berkuasa iaitu Allah SWT. Malahan dalam al-Quran juga ada menyatakan dan juga menegaskan dalam ayat al-Baqarah 186 seperti yang dibawah ini:

*“Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu tentang Aku, maka (jawablah), bahawasanya Aku adalah dekat. Aku mengabulkan permohonan orang yang berdoa apabila ia memohon kepada-Ku, maka hendaklah mereka itu memenuhi (segala perintah-Ku) dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku, agar mereka selalu berada dalam kebenaran”*

(Al-Baqarah, 186)

Melalui ayat al-Quran yang telah dijelaskan diatas tersebut dapatlah dilihat yang mana Allah Maha Mendengar tentang segala-gala doa dari hamba-Nya yang rajin berdoa dan juga

yang soleh. Oleh itu, setiap kesusahan yang telah dialami ini hanyalah dapat diharungi melalui bantuan dari Allah SWT kerana Dialah Yang Maha Berkuasa di muka bumi ini yang telah mencipta manusia. Justeru itu juga manusia atau hamba-Nya perlulah selalu beriman kepada-Nya dan juga mestilah sentiasa berdoa dalam meminta semua pertolongan dan juga perlindungan kepada-Nya walau dimana kita berada dalam keadaan susah ataupun dalam keadaan senang. Selain itu juga, unsur Islam yang dapat dikaitkan dengan teks *Anding Ayangan II* ini dapat dilihat berdasarkan contoh petikan dibawah ini.

Sejurus Pangeran Haji Bolhassan mencuba ikhtiar selanjutnya. Dia pun membaca Surah al-Fatihah berserta selawat syifa. Kemudian melanjutkannya dengan doa ini,

*“Audzubillah himinas syaiton nirojim, Bismi-illahi ar-rahman arrahim.... Allahumma rabbanaasi muzhibal ba’si. Isyfi antassyafi la syaafiya illa anta syifaa’an la yughadiru saqama.”*

“Wahai TUHANKu, TUHAN segala manusia yang menghilangkan penyakit, sembuhkanlah, KAULah Maha Penyembuh. Tiada apa yang menyembuhkan selain KAU, kesembuhan yang tidak meninggalkan penyakit lagi,” ujar Pangeran Haji Bolhassan menterjemahkan doa yang baru dilafazkan sebentar tadi.

*(Anding Ayangan II, hlm 325)*

Petikan diatas ini menunjukkan bahawa pentingnya berdoa didalam kehidupan iaitu Pangeran Haji Bolhassan telah bersungguh-sungguh dalam meminta doa daripada Allah SWT supaya anak asuhannya iaitu Salleh sembuh daripada terkena sihir. Mereka anggap ini semua ujian bagi mereka dari Allah SWT bagi menguji sejauh mana tahap keimanan yang ada dalam diri seseorang hamba-Nya itu. Oleh itu Pangeran Haji Bolhassan ini hanya mengharapkan agar Allah memakbulkan doanya itu. Dia menyerahkan semuanya kepada Allah untuk menentukan takdir anak asuhannya itu. Dan sesungguhnya pada setiap takdir pasti disertai oleh hikmah-hikmah yang akan mendatang. Biar pun keputusan Allah kelak itu

tidak sejajar dengan kemahuan manusia itu sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana Allah lebih Maha Mengetahui di sebalik semua yang berlaku ke atas Salleh dan sakit yang dialami olehnya itu secara kasar memang sukar untuk diubahi. Justeru itu sebagai makhluk ciptaan dan juga hamba-Nya wajib mematuhi pada perintah Allah dan tiada yang sekutu bagi Allah Azza wa Jalla. Ianya diibaratkan seperti bertinggir di ambang maut dan berharap semoga kekuatan bakal dianugerahi Allah SWT.

Oleh itu juga doa ini merupakan sebuah nilai yang ada di dalam Islam yang amat penting untuk diamalkan oleh semua umat Islam kerana dengan doa ini ianya berupaya dalam mengukuhkan keimanan kepada Pencipta alam semesta iaitu Allah SWT.

Unsur ataupun nilai mengenai doa ini ianya dapat dikaitkan dengan prinsip yang pertama teori Takmilah ini iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal. Hal ini dikatakan demikian kerana Kamal Allah ini hanyalah dapat dilihat dalam sifat Allah Yang Maha Mendengar dan juga Maha Penyembuh. Ini dapat dibuktikan dengan Allah SWT akan memakbulkan segala doa-doa yang hamba-Nya berdoa dan hamba-Nya yang sentiasa berpegang teguh dengan syariat-Nya dan juga beriman kepada-Nya. Dengan berdoa inilah yang membolehkan iman seseorang ini menjadi kuat untuk terus dalam menjalankan segala yang di suruh oleh-Nya dan juga meninggalkan segala larangan-Nya.

Dengan itu adanya unsur Islam seperti berdoa ini pengarang novel ini sekaligus telah memperlihatkan tentang keagungan, kebesaran dan juga kesempurnaan Allah SWT ini melalui sifatnya Yang Maha Penyembuh dan juga Maha Mendengar. Ini sekaligus pengarang telah berjaya dalam meninggalkan satu kesan yang baik dalam kalangan pembaca supaya terus dapat meningkatkan ketaqwaan dan juga keimanan dalam diri seseorang hamba-Nya itu dengan menjalankan segala suruhan-Nya dan juga selalu berdoa dalam memohon

pelbagai petolongan daripada Allah SWT untuk setiap masalah dan juga ujian dalam kehidupan.

#### **4.2.2 Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil (Sempurna)**

Prinsip yang kedua mengikut teori Takmilah ialah prinsip kerasulan sebagai insan kamil (sempurna) yang mana ia bermaksud perhubungan teori dengan Rasul sebagai insan kamil (sempurna). Pemilikan sifat ‘kamil’ yang ada pada peribadi Rasulullah SAW tersebut mempunyai pertalian dengan istilah sifat “kamal” Allah SWT sebagai Yang Maha Sempurna. Kewujudan perkataan ‘kamil’ dalam diri Rasulullah SAW adalah seorang yang kamil dalam menguatkan tentang adanya makhluk iaitu merupakan ciptaan yang terbaik daripada kejadian bahkan sekaligus menjadi seorang khalifah yang boleh menjalankan segala peraturan yang telah diperintah oleh Allah swt. Dalam keperibadian baginda itulah baginda menjadi seorang contoh yang baik kepada hamba Allah terbaik didalam kehidupan manusia yang bergelar Muslim pada masa kini.

Selain itu juga dalam konteks islam melalui pemikiran juga terdapat beberapa konsep yang terdiri daripada konsep ideal keinsanan iaitu insan yang kamil, insan khalifah dan juga insan yang Rabbani. Daripada ketiga-tiga konsep ini ia merupakan tahap kedudukan manusia dalam dunia bagi menyempurnakan segala perintah-perintah Allah dan juga hukum yang telah digariskan dalam al-Quran dan juga Hadis. Insan yang khalifah ini juga telah merujuk kepada kemampuan insan yang telah menjadi pemimpin di bumi Allah setelah dapat memenuhi syarat-syarat yang diberikan sebagai khalifah. Sebagai contohnya, insan yang mempunyai berkeperibadian yang tinggi dan juga mempunyai ilmu yang baik dalam menyumbang kepada ketamadunan dan juga



peradapan insan. Hal ini boleh dirujuk dalam Surah al-Baqarah Ayat 30.

Konsep bagi insan Rabbani pula ialah ianya merujuk kepada pengabdian diri dan juga rohani manusia kepada Allah dengan penuh khusyuk. Hal ini kerana ia dapat menjadikan kualiti manusia meningkat sebagai insan yang cemerlang dan juga berwibawa dalam mengangkat martabat Islam di dunia ini. Maksud insan kamil ini pula merujuk kepada gabungan antara insan khalifah dan juga Rabbani kerana insan yang kamil ini mampu memberikan keperibadian yang murni dalam akhlak dan juga ianya merupakan tahap yang tertinggi dalam kedudukan manusia di dunia ini. Dalam istilah ini dapat dilihat dalam contoh yang paling ideal iaitu dari sifat Rasulullah SAW yang mana baginda telah digelar sebagai al-amin yang bersifat jujur dan juga benar, al-mustafa yang terpilih dan juga al-habib iaitu kekasih Allah. Oleh itu dalam erti sastera, “Takmilah” ini berfungsi untuk meningkatkan keinsanan yang menjadi kearah lebih ahsan iaitu seindah-indahnya bagi kedua-dua insan yang bergelar khalifah dan juga Rabbani bagi mencapai tahap insan yang kamil yang ianya dimiliki oleh Rasulullah sebagai rol model dalam agama Islam.

Pengaplikasian teori Takmilah ini telah digunakan dalam kajian ini untuk mengkaji unsur-unsur Islam yang ada dalam karya Ramlee Awang Murshid ini kerana ia berkait rapat dengan kehidupan manusia kerana Allah SWT yang telah menciptakan manusia dengan sebaik-baiknya. Dalam kajian ini terdapat beberapa ciri-ciri insan Rabbani yang terdapat dalam novel *Anding Ayangan II* ini yang telah ditonjolkan oleh watak-watak yang terdapat dalam novel ini.

### **Menjaga batas pergaulan**

Dalam novel *Anding Ayangan II* karya Ramlee Awang Murshid ini juga terdapat prinsip yang dapat dikaitkan dengan teori Takmilah yang bersifat kamal seperti berakhlak



terpuji dan juga murni dalam novel ini iaitu dengan menjaga batas pergaulan. Menurut Ibn Manzur Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Makram (1994), perkataan pergaulan merupakan perkataan yang berasal dari arab iaitu ikhtilat dimana perkataan ini merupakan kata dasar khalata yang bermaksud bercampur. Percampuran ini tidak hanya berlaku kepada manusia tetapi juga melibatkan haiwan dan juga benda. Sifat-sifat insan yang Rabbani iaitu menjaga batas ini dapat dilihat dalam petikan dibawah.

...Selama sepurnama jugalah Salleh menaruh hati pada anak perempuan Salbun. Mereka tidak pernah bertegur sapa. Hanya berkesempatan saling pandang-memandang dan bertukar-tukar senyuman.

Namun senyuman anak perempuan Salbun yang belum diketahui namanya itu sekadar mengulaskan gerak bibir kecil dan sering dilanjutkan dengan wajah yang tertunduk. Kemudian melarikan diri dengan alasan membantu ibunya.

*(Anding Ayangan II 2019, hlm 47)*

Petikan diatas ini menunjukkan bahawa Salleh sangat menjaga batas pergaulannya. Hal ini dibuktikan dengan sikap Salleh yang sanggup menahan dirinya dari bercampur dan berkomunikasi dengan perempuan yang bukan mahramnya. Oleh kerana itu perbuatan yang dilakukan oleh Salleh itu merupakan perbuatan yang benar kerana dengan menahan diri daripada melihat perempuan ini dapat mengelak dari berlakunya fitnah. Hal ini juga telah dinyatakan dalam hadis Nabi Muhammad SAW seperti daripada Usamah bin Zaid R.A, bahawa Nabi S.A.W bersabda, “*Aku tidak meninggalkan satu fitnah pun yang lebih membahayakan para lelaki selain fitnah wanita*” (Bukhari 5096 Muslim 2740). Dalam dunia yang sangat mencabar pada masa kini ini, terdapat banyak fitnah yang ada tetapi yang lebih dasyat lagi bagi kaum lelaki ialah fitnah wanita. Ini kerana wanita itu merupakan perhiasan yang seindah-indahnya yang mana ia dianggap jika didunia ini tiada kewujudan kaum wanita

ini akan terasa seakan - akan gelap dunia ini, walaupun mentari telah pun terbit dan juga di langit tidak ada segumpal awan. Malahan jika di dunia ini tanpa adanya kaum wanita kebahagiaan, ketenangan dan juga kedamaian sukar untuk didapatkan.

Dengan menjaga batas ini juga dapat kita lihat bahawa Allah S.W.T telah menjadikan wanita ini apabila dia dilihat akan wujudnya keinginan (syahwat) yang kuat dan kaum lelaki ini mudah digoda dengan mereka. Oleh sebab itulah fitnah wanita ini merupakan fitnah yang amat dahsyat ianya datang daripada semua yang datang dari diri wanita itu fitnah antaranya seperti rupa parasnya, pergerakannya, suara dan juga sebagainya. Hal ini juga kita dapat dikuatkan lagi oleh ayat yang terdapat dalam al-Quran surah ali Imran ayat 14 iaitu *“Dijadikan indah pada (pandangan) manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini (syahwat), iaitu: wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, kuda pilihan, binatang-binatang ternak dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup di dunia, dan di sisi Allah-lah tempat kembali yang baik (syurga).”* Oleh itu Rasulullah S.A.W telah pun memberikan pesanan kepada kaum adam bahawa mereka ini haruslah sentiasa menjauhkan diri dan juga berhati-hati daripada kaum wanita yang bukan mahramnya, bercampur baur dengan mereka dan juga berduaduan dengan kaum wanita.

Perkara ini juga dapat diberikan bukti yang kukuh yang mana ia dilengkapkan dengan Hadis Nabi daripada Abu Sa’id al Khudri R.A bahawa Rasulullah S.A.W telah bersabda *“Berhati-hatilah dengan dunia dan berhati-hatilah dengan fitnah wanita. Sesungguhnya fitnah terawal yang berlaku pada golongan Bani Israil adalah pada wanita”* hadis Riwayat Muslim 2742. Ini cukup jelas untuk menyokong pernyataan di atas yang mana Salleh ini telah menjaga batasnya daripada melihat wanita dan menjaga batas pergaulannya.

Selain itu juga dapat dilihat pada diri Dang Bisai iaitu anak perempuan kepada Salbun kerana berusaha untuk mengelakkan diri dari berada dekat dengan Salleh. Selain itu Dang Bisai juga menghormati ayah angkat Salleh iaitu Pangeran Haji Durrahman dan Pangeran Haji Bolhassan kerana telah menerima dirinya dan juga penduduk kampung yang lain untuk menetap di sana. Sebagai tanda hormat Dang Bisai cuba untuk mengelakkan perkara yang boleh mendatangkan fitnah kepada dirinya dan juga Salleh.

Teori Takmilah (Kerasulan sebagai insan kamil) dapat membentuk peribadi yang terpuji. Hal ini dikatakan demikian kerana Rasulullah sangat menjaga batas dengan bukan mahram meskipun Baginda merupakan pemimpin yang perlu berkomunikasi dengan bercampur jantina. Menjaga pergaulan juga ada diceritakan di dalam al-Quran bagaimana batas pergaulan yang dibolehkan. Ini kerana bagi menjaga kehormatan seseorang dan juga kemuliaan diri dengan menjaga batas agar tidak mendatangkan fitnah kepada seseorang individu.

### **Berjihad (Berjuang di jalan Allah)**

Pengertian jihad ini menurut Taufiq Ali Wahbah ialah ianya sebagai penyerahan segala kemampuan dan juga kebolehan dalam memerangi musuh. Selain itu juga jihad ini diwajibkan keatas kaum Muslim untuk membela agama Allah dan agama Islam ini juga melarang kaum Islam memusuhi sesuatu kaum itu tanpa sebarang sebab kecuali mereka itu sendiri yang mengambik langkah untuk bermusuhan dengan kaum muslimin dan juga islam. Berjihad ini juga merupakan salah satu daipada kemampuan manusia di aats muka bumi ini yang dapat dipamerkan sifat keperibadian yang murni dalam mencapai kemenangan dalam

memperjuangkan agama Islam. Selain itu juga ciri insan Rabbani ini iaitu berjihad yang mana berjihad dalam konteks ini berjuang di jalan Allah ini dapat dilihat dalam petikan dibawah.

...maka Furqan Ayyubi pun menyarungi topeng besi seraya menyamar dirinya sebagai Satira. Tujuannya adalah untuk mengelirukan bala tentera Ayangan yang ketika itu galak memerangi tanah berdaulah itu. Sejurus Furqan Ayyubi pun menunggang seekor kuda yang dipancu Satira sebelum ini. Dia hendak menuju ke Anding.

*(Anding Ayangan II 2019, hlm 67)*

Petikan diatas menunjukkan bahawa Furqan Ayyubi yang telah berjihad dan berjuang di jalan Allah dengan berani dalam peperangan yang boleh mengorbankan nyawa. Hal ini dapat disampaikan melalui pengarang yang cuba untuk membawa pembaca atau masyarakat untuk lebih memahami situasi yang dihadapi oleh Furqan Ayyubi dan tentera yang lain dalam mempertahankan agama Islam kerana pada masa itu kerajaan Ayangan cuba untuk merampas kerajaan Anding yang mengamalkan Islam dalam pemerintahan.

Dengan ini perkataan jihad dan juga perkara yang dikaitkan dengan jihad ini menurut Ibnu Abbas r.a jihad ini merupakan “mencurahkan segenap kekuatan dan bukanlah ketakutan untuk membela Allah terhadap cercaan orang-orang yang mencerca dan juga permusuhan orang memusuhi.” Manakala jihad ini mengikut syariat yang telah digariskan ini pula ianya memberikan maksud bahawanya bersungguh-sungguh mencurahkan segenap kekuatan untuk membinasakan orang-orang yang kafir dan juga ianya termasuk juga berjihad terhadap nafsu, syaitan dan lain-lain. Selain itu juga jihad ini amat penting dalam umat Islam ianya kerana jihad ini juga merupakan perbuatan yang telah diwajibkan keatas kaum-kaum muslimin bagi membela agama Allah. Oleh kerana demikian dengan adanya konsep jihad yang ditanam dalam diri seseorang, mereka akan sanggup dalam mengorbankan nyawa dan juga rela meninggalkan keenangan dalam mencari redha Allah.

Selain itu juga berjihad ini mempunyai banyak hala tujuan ianya boleh dikaitkan dengan penceritaan novel *Anding Ayangan II* ini yang mana ianya berjihad ke jalan Allah. Ini kerana dengan berjihad ini dapat memberikan kekuasaan kepada kaum-kaum muslimin di bumi Allah ini dan juga menerapkan hukum Allah. Hal ini juga dapat ditekankan dengan Islam ini merupakan agama yang telah menghalang sebarang kerosakkan dan juga menghapuskan kesyirikan serta kekafiran sampai ke penghujungnya. Seterusnya juga dengan berjihad ke jalan Allah ini juga dapat memberikan penguasaan kuasa bumi ini kepada orang-orang Islam dan sekaligus dapat menerapkan hukum-hukum Allah bagi menegakkan kebenaran dari sisi syariat Allah di permukaan bumi ini.

Hal ini dibuktikan dengan sewaktu peperangan antara Anding dan juga Ayangan, Furqan Ayyubi ini telah meletakkan pengharapan yang sepenuh-penuhnya kepada Allah SWT kerana beliau tidak tahu apa nasibnya selepas daripada peperangan itu. Namun oleh demikian Furqan juga telah berjanji kepada Pa'tua untuk mengalahkan serta menumpaskan musuhnya yang telah menyerang kerajaan mereka itu walaupun mereka sendiri tahu bahawa dengan tindakan itu terpaksa mengorbankan nyawa sendiri.

Pengarang novel ini juga menceritakan bahawa sewaktu peperangan antara Anding dan Ayangan, Furqan Ayyubi telah meletakkan sepenuhnya pengharapan kepada Allah semata kerana akhir nasibnya tidak dapat dipastikan. Namun Furqan berjanji kepada Pa'tua untuk menumpaskan musuh yang telah menyerang kerajaan mereka walaupun terpaksa mengorbankan nyawanya sendiri. Jihad yang dilakukan oleh Furqan ini merupakan jihad qithal yang mana jihad ini merupakan jihad peringkat akhir skali dengan berjuang untuk mempertahankan agama dan juga negara dari diambil oleh kuasa lain. Malahan ganjaran

juga diberikan oleh Allah iaitu ganjaran mati syahid bagi mereka yang telah gugur dalam mempertahankan agama Allah.

Kesimpulannya pengaplikasian Teori Takmilah (Kerasulan sebagai insan kamil) amat sesuai digunakan kerana teori yang kedua ini menunjukkan sifat Jihad yang telah berlaku pada zaman Rasulullah dahulu. Hal ini juga kerana jihad bagi umat Islam ini dapat diibaratkan sebagai atap bagi sebuah bangunan. Dengan melibatkan diri dalam berjihad ini umat Islam akan sentiasa dilindungi dari segala penindasan dan juga penganiayaan oleh musuh-musuhnya serta sekaligus akan menjadikan umat ini mendapat kemuliaan dan juga keredhaan di dunia mahupun diakhirat.

### **Ujian sebagai kifarah**

Kifarah bermaksud sebuah ujian ke atas orang yang baik tetapi telah terlanjur dalam melakukan sebarang kejahatan. Oleh itu Allah SWT telah jadikan kesusahan dalam ujian ini sebagai tebusan ataupun jaminan bagi menghapuskan segala dosa yang telah dilakukan. Selain itu juga Allah SWT telah membalas segala kesalahannya di atas dunia ini bagi melepaskannya daripada dibalas di akhirat nanti. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan adanya azab di dunia ini ia akan menjadi lebih ringan berbanding dengan azab di akhirat nanti. Secara ringkasan ujian ini merupakan sebuah pengajaran dan juga peringatan di atas kelalaian lalu mereka ini mempunyai usaha dengan bertaubat kepada Allah SWT.

Berdasarkan surah Al-Zalzalah ayat 7 hingga 8 bermaksud “Barangsiapa yang mengerjakan kebaikan seberat zarrah nescaya dia akan menerima balasannya. Dan barangsiapa yang mengerjakan kejahatan seberat zarrah pun nescaya dia akan menerima balasannya”. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kifarah membawa maksud sesuatu



perbuatan yang akan diberikan kepada seseorang berdasarkan perbuatan yang pernah dilakukan oleh mereka. Ujian pula dianggap sebagai salah satu cara untuk melihat sejauh mana seseorang mampu sabar dan bagaimana hambanya mengharungi dugaan yang diberikan.

“Biarkanlah aku begini, Raja Benua. Biarkanlah sumpahan itu menjadi kifarrah untukku. Pulau Cermin adalah tempat asalku. Biarkanlah aku bertapa di sana. Percayalah...pertapaanku tidak akan mengubahku menjadi seekor naga,” ujar Raja Suir terus menyelam tanpa menunggu butiran penghujahan lelaki pendongeng itu lebih lanjut lagi.

(*Anding Ayangan II 2019, hlm 86*)

Petikan di atas ini menunjukkan bahawa Raja Siur ini telah menerima ujian yang telah diberikan kepadanya itu dengan redha dan telah mendapat kifarrah. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan redha ini bermaksud kita sebagai makhluk ciptaan Allah ini harus redha dengan ketentuan Allah. Oleh itu apa yang telah ditentukan oleh Allah sama ada ianya baik ataupun buruk perlulah diterima dengan syukur, sabar dan terbuka. Tetapi dapat juga dilihat dalam keadaan pada masa kini, ada sesetengah manusia yang tidak beriman dan mereka tidak mempunyai erti kesabaran dalam diri mereka untuk menerima segala ujian dari Allah SWT. Malahan ada dalam kalangan mereka ini menganggap semua ini bala dan juga bencana serta mereka ini menilai dari aspek yang boleh membawa kepada perkara-perkara yang negatif.

Seterusnya pengarang novel *Anding Ayangan II* ini telah menceritakan bagaimana Raja Suir yang berubah setelah merasakan malu akan Chahaya kerana dia sebelum ini dirasakan sebagai satu sosok yang baik namun disebabkan sifat tamak dan rakus dia rela melakukan perbuatan yang salah pada sisi agama. Raja Suir ini juga berupaya sedemikian kerana dia telah di sumpah oleh Pangeran Haji Bolhassan dalam pertarungan mereka yang



mana pertarungan itu tidak memihak kepada Raja Siur. Raja Suir sering menimbulkan kekacauan di Anding dan dia juga merupakan hantu hitam yang sering menjadi tanda tanya kepada orang ramai siapakah gerangan hantu hitam yang sebenar. Oleh itu juga, Raja Siur ini juga tidak boleh menjejak kakinya di tanah Anding kerana dilarang oleh Pangeran Haji Bolhassan yang telah memberikan sumpahan kepadanya. Seterusnya disebabkan oleh kasih dan cinta Raja Suir kepada Chahaya yang telah dikenali sejak sekian lama dia sanggup mengorbankan dirinya untuk menjadi individu yang lebih baik dan apa yang berlaku sebelum ini dianggap sebagai dugaan atau ujian yang telah diberikan oleh Allah sebagai balasan atas segala perbuatan yang pernah dilakukan sebelum ini.

Teori Takmilah (Kerasulan sebagai insan kamil) dapat diaplikasikan dalam situasi ini kerana meskipun Rasulullah merupakan seorang yang tidak melakukan dosa juga masih diberikan ujian yang berat ketika baginda masih lagi kecil. Oleh itu ketika setiap kali diberikan ujian yang berat, Baginda akan menganggap apa yang terjadi merupakan suatu nasihat atau teguran yang hendaklah dilihat dari segi positif untuk menjadi perubahan dalam hidup yang lebih baik. Namun walaubagaimanapun ujian juga diberikan bagi meningkatkan keyakinan, mendekatkan diri dengan Allah dan dapat mengangkat darjat di sisi Allah. Hal ini juga boleh dibuktikan bahawa Allah SWT tidak akan membebaskan seseorang itu tanpa tahu akan kemampuan mereka untuk menghadapi dan juga menguruskan ujian itu. Dengan itu ujian sebagai kifarah ini diwujudkan oleh pengarang dalam novel ini dapat disampaikan kepada pembaca kerana pembaca dapat membuat tafsiran dengan mengambil ujian itu sebagai teguran, nasihat dan manakala kifarah itu untuk kita lebih meneliti dengan lebih baik lagi tentang perkara-perkara yang telah dilakukan sebelum ini supaya selepas ini kita akan

lebih berhati hati dalam menjalankan sebarang perbuatan yang boleh mendatangkan kemudaran kepada kita sebagai seorang hamba Allah SWT.

### **Menyebarkan dakwah**

Menurut Jum'ah Amin mendefiniskan dakwah sebagai al-nida yang membawa maksud memanggil atau menyeru serta mendorong kepada sesuatu. Dakwah juga merupakan usaha menerusi perkataan ataupun perbuatan bagi menarik manusia ke arah sesuatu agama atau mazhab. Seterusnya El-Muhammdy (2004) telah menyatakan bahawa aktiviti berdakwah ini mestilah menjadi sebagai penggerak bersama di golongan umat-umat Islam. Jika aktiviti dakwah ini tidak dapat dijalankan maka segala kemungkaran akan lebih menjadi meluas dari yang makruf. Oleh itu dalam konteks ini masyarakat ini tidak akan berani lagi dalam menyatakan Islam ini sebagai sebuah kebenaran yang mana kebenaran ini datangnya daripada Allah SWT melainkan sesebuah masyarakat ini hanya mampu mendiamkan diri sahaja. Dengan penjelasan yang cukup jelas dinyatakan diatas itu telah memberikan bukti yang jelas dimana berdakwah ini merupakan ciri yang utama bagi memberikan manfaat kepada umat manusia keseluruhannya sekaligus ia memberikan pemahaman mengenai agama Islam ini datangnya sebagai agama yang benar daripada Allah SWT yang hanya dapat disampaikan melalui perbuatan dakwah ini. Ini secara tidak langsung kehidupan setiap umat Islam akan menjadi lebih bermakna di sisi Allah SWT dengan menjalankan aktiviti berdakwah ini. Oleh itu dengan menyebarkan dakwah ini dapat dilihat dalam ciri insan Rabbani yang ditonjolkan dalam novel ini melalui petikan yang berada dibawah.

Perlahan-lahan dakwah Islamiah itu berkembang menerusi dakwah Pangeran Haji Durrahman dan Pangeran Haji Bolhassan. Ramailah

orang yang mendatangi Anding mengamalkan Islam secara addin atau cara hidup sehari-hari. Permukiman ini pun bertambahlah makmur.

*(Anding Ayangan II 2019, hlm 46)*

Petikan di atas menunjukkan bahawa Pangeran Haji Durrahman dan juga Pangeran Haji Bolhassan yang menjadi orang yang terpenting dalam menyampaikan dakwah di tanah Anding itu dan menjalankan segala usaha bagi menyeru orang dengan menggunakan beberapa kaedah sepatutnya dalam mendapat keredhaan Allah. Hal ini dapat dibuktikan bahawa menurut Dr. Yusuf al-Qaradawi yang merupakan seorang ulama terkenal telah memberikan definisi dakwah sebagai salah satu cara untuk membawa orang yang berlainan agama untuk mengikut segala petunjuk agama Islam ini dengan menjalankan segala yang telah digariskan dalam dunia ini, mengkhususkan segala bentuk-bentuk seperti penghambaan diri, mentaati dengan ajaran Allah dan juga menyeru kepada kebaikan serta dapat mencegah dari segala kemungkaran yang telah digariskan dalam al-Quran dan juga hadis serta berjihad ke jalan-Nya.

Oleh itu juga sebagai makhluk ciptaan Allah ini sangat memerlukan pimpinan dan juga dorongan dalam membawa mereka ini ke jalan yang benar. Manakala umat Islam yang mempunyai kebolehan dalam ilmu-ilmu agama boleh meneruskan dakwah mereka dengan menyebarkan ilmu itu dengan pelbagai cara seperti menyusun atur dan juga mengatur perjalanan dakwah ini walau dimana mereka berada sekali pun mengikut kemampuan masing-masing.

Selain itu juga penulis telah menerapkan perbuatan menyebarkan dakwah dalam karya tersebut. Dalam novel ini Anding merupakan sebuah kerajaan yang mementingkan penerapan Islam dalam kehidupan seharian di mana pemerintahan di Anding dilaksanakan

berdasarkan Islam. Penduduk Anding akan mendirikan solat secara berjemaah dan terus meninggalkan pekerjaan mereka apabila telah masuk waktu untuk solat. Namun tidak lama setelah kebangkitan Anding, kerajaan tersebut telah dirampas atas dasar politik namun mengikut perjanjian Anding Ayangan masih mengekalkan konsep agama yang telah ada sekian lama. Walaubagaimanapun penyebaran dakwah ini dapat dilihat apabila penekanan terhadap Islam diaplikasikan sehingga kini di kawasan Papar, Sabah. Jika agama Islam tidak diaplikasikan pada waktu tersebut, sudah pasti lebih banyak ajaran sesat yang disebarkan oleh penduduk Ayangan pada masa itu,

Oleh itu melalui pengaplikasian Teori Takmilah (Kerasulan sebagai insan kamil) sesuai digunakan dalam perbuatan menyebarkan dakwah. Hal ini kerana perbuatan menyebarkan dakwah merupakan satu cara Rasulullah menyampaikan agama Islam kepada orang ramai dalam memahami konsep agama Islam sebenar yang berlandaskan al-Quran dan juga hadis. Oleh itu juga menyebarkan dakwah ini juga mempunyai kaitan dalam prinsip-prinsip teori Takmilah yang dapat jadikan sifat ini sebagai ajaran dan juga pengajaran dalam menyebarkan agama Islam ini dimata dunia. Selain itu juga dalam prinsip yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar ini amat mementingkan aspek yang berasaskan islam kepada masyarakat dan masyarakat ini akan mengaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka.

#### **4.2.3 Prinsip Keislaman yang Bersifat Akmal (Sempurna)**

Prinsip teori Takmilah ketiga ini menerangkan tentang maksud Islam yang sebenar yang mana Islam ini merupakan agama yang mempunyai kelengkapan dari semua aspek kehidupan. Selain itu juga Islam ini juga ianya memberi gambaran yang jelas tentang Islam yang mana ia merupakan agama yang direndhai oleh Allah dan juga agama sempurna daripada

pelbagai aspek. Didalam firman Allah juga ada menyatakan tentang al-Qur'an yang telah menyebut tentang itu sendiri dan juga tentang kesempurnaan (Akmal) ajaran Islam. Hal ini kerana Islam ini sendiri bukan sahaja ianya dilihat dari aspek agama boleh dituruti sahaja malahan ia juga menggambarkan tentang cara kehidupan seseorang.

Selain itu juga ia merujuk kepada kepelbagaian aspek kehidupan yang telah mencerminkan keamanan umat-umat Islam. Justeru itu juga Islam ini juga adalah agama yang sentiasa menyemaikan amalan nilai-nilai murni yang memberikan kebaikan yang berguna kepada umat Islam. Oleh itu juga, menurut Shafei Abu Bakar (1996), dalam Adnan Ahmad (2009), ia juga menerangkan bahawa Islam ini agama sempurna di mana ianya mampu memberikan kesempurnaan dari pelbagai aspek kehidupan manusia sejagat termasuklah dalam aspek-aspek bersastera. Di samping itu juga karya-karya sastera ini juga dapat memupukkan masyarakat Islam yang taat dan juga patuh dengan ajaran agama Islam dengan menjalankan segala yang disuruh oleh Allah SWT dan seterusnya meninggalkan segala larangan-Nya.

Seterusnya juga prinsip ini bukan sahaja memfokuskan kepada keislaman sahaja malahan ianya juga dilihat dalam aspek mempraktikkan segala amalan dan juga mematuhi segala syariat yang digariskan dalam Islam. Ini kerana akidah dan syariat ini memainkan peranan yang sangat penting dalam mewujudkan nilai-nilai keihisan dalam diri seseorang. Malahan jika seseorang itu mengamalkan konsep akidah dan juga syariat, ia juga dapat melengkapkan konsep kesempurnaan Islam yang diredhai oleh Allah. Perkara ini juga dapat dibuktikan dalam surah Ali Imran pada ayat 19 yang bermaksud:

("Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah hanyalah Islam. Tiada berselisih orang yang telah diberi al-kitab kecuali setelah datang pengetahuan kepada mereka kerana

kedengkian (yang ada) di antara mereka. Barang siapa yang kufur terhadap ayatayat Allah, maka sesungguhnya Allah sangat cepat perhitungan-Nya”).

### **Islam sebagai agama yang menyempurnakan**

Islam ini merupakan agama sempurna dan mempunyai keistimewaan yang dapat dilihat menerusi peraturan, hukum-hakam yang telah diberikan oleh Allah SWT menerusi al-Quran dan juga nas yang telah diambil daripada Rasulullah saw. Selain itu juga menurut Ahmad & Mohd Farid (2008), menyatakan bahawa hukum-hakam ini juga dikenali sebagai hukum syarak yang mana ianya boleh dikategorikan sebagai tiga cabang ilmu iaitu ianya terdiri daripada Akidah, Akhlak dan juga Syariat. Tujuan hukum-hakam ini wujud ialah untuk manusia dapat menjalani proses kehidupan mereka ini dengan aman, teratur dan juga mendapat keredhaan tanpa ada sebarang gangguan sekaligus ia sebagai landasan untuk menuju ke alam akhirat dengan berharap mendapat keredhaan daripada Allah SWT.

Muhammad Ali Al-Hiasyimi (1999), telah memberikan pendapat bahawa manusia itu memerlukan agama dalam kehidupan. Hal ini boleh dikatakan juga dengan manusia ini memerlukan pendidikan Islam dan bimbingan akhlak yang jelas supaya mereka ini dapat menyemaikan sifat kemanusiaan dalam dunia ini. Jika seseorang itu mengamalkan agama dalam kehidupannya akan menjadikan seorang itu sentiasa berada dalam akhlak yang baik dan juga berkeperibadian yang mulia. Ini juga kerana agama Islam ini merupakan sumber yang sentiasa memberikan kearah kebaikan dan juga kemuliaan hidup. Selain itu juga tuntutan yang menunjukkan bahawa agama itu harus bergantung dalam kehidupan seseorang itu dapat ditunjukkan dalam kajian ini iaitu melalui pengarang yang hendak menyampaikan



dengan lebih jelas tentang berharap kepada agama Allah ini merupakan perkara penting. Ini kerana dapat dilihat dalam petikan yang telah terdapat dibawah ini.

“Kita harus memohon pada ALLAH.” Pangeran Haji Bolhassan menyahut

“Tulah yang sebaik-baiknya.” Pangeran Haji Durrahman bersetuju.

Selaku manusia, kita ini kerdil dan sangat lemah di sisi ALLAH. Berpulang pada yang Khaliq merupakan cara terbaik yang menumpahkan seluruh usaha dalam niat bertawakal. Makhluq di kalangan jin dan manusia yang menderhaka hanyalah ibarat gendang kosong kuat dipalu di dunia ini sahaja. Kelak golongan ini kesamparan akhirnya.

*(Anding Ayangan 2019, hlm 99)*

Petikan diatas ini menunjukkan bahawa Pangeran Haji Bolhassan dan Pangeran Haji Durrahman ini sentiasa berpegang teguh serta hanya mengharapkan pertolongan dengan kepercayaan kepada Allah SWT sahaja. Hal ini dapat dibuktikan dengan sebagai umat Islam yang percaya akan kekuasaan Allah SWT haruslah berserah segalanya kepada-Nya kerana Allah sebaik-baik perancang dan Allah juga tidak akan memberikan dugaan mengikut kemampuan seseorang manusia itu sendiri. Selain itu juga sebagai hamba yang tiada kuasa akan menyerahkan segalanya kepada Allah, bertawakal dan juga berbaik sangka kepada Allah merupakan sebuah sifat iman paling terulung dan merupakan sebuah sifat yang terbaik dari seorang orang Islam. Sebagai contoh yang dapat diambil iaitu dalam peristiwa Nabi Ibrahim a.s yang mana baginda telah dilemparkan dalam api dan dengan itu mengucapkan “*Hasbunallah wa ni'mal wakil,*” dan dengan itu maka Allah pun menjadikan api yang marak itu dingin untuk seketika dan Nabi Ibrahim pun tidak terbakar. Demikian halnya jugalah yang telah dilakukan oleh Rasulullah dan juga para-para sahabat perjuangan semasa mereka ini semua mendapat ancaman daripada pasukan-pasukan kafir dan juga penyembah berhala itu mereka juga meminta pertolongan daripada Allah dengan mengucap “*Hasbunallah wa*



*ni'mal wakil,*” yang bermaksud “*Cukuplah Allah menjadi Penolong kami dan Allah adalah sebaik-baik Pelindung.*”

Menurut Asmiaty Amat (2014), dalam kajiannya yang bertajuk Puisi-puisi Arifin Arif: Satu Analisis Takmilah turut menyatakan bahawa prinsip ini tidak terpisah dengan nilai-nilai keislaman yang mana menolak pandangan yang membelakangkan ajaran Islam. Dalam kajiannya telah menyebut bahawa kesyumulan Islam ini melalui aktiviti penganutnya juga telah dapat digambarkan melalui bacaan-bacaan al-Quran yang mana ia merupakan panduan utama dalam kehidupan manusia yang bergelar umat islam di muka bumi ini. Selain itu juga kajian ini dapat dikaitkan dengan prinsip keislaman ini dengan segala aktiviti ataupun perbuatan yang dilakukan mestilah dijalankan berlandaskan dengan perasaan bersyukur, sabar dan penuh dengan keimanan serta berserah segala urusan kepada-Nya kerana Allah sebagai sebaik-baik perancang.

Menerusi petikan diatas ini juga telah menerangkan bahawa kuasa-kuasa manusia ini hanya kuat apabila berada di atas dunia ini sahaja tetapi apabila di akhirat kuasa yang kita miliki itu tidak dapat menyelamatkan kita dan juga lindungi kita daripada terkena hukuman-hukuman. Ini kerana kuasa Allah hanya yang berkuasa pada ketika itu dan juga segala amalan baik yang dilakukan semasa berada di dunia sahaja yang dapat menyelamatkan kita daripada terkena hukuman Allah. Oleh itu kita tidak boleh bermegahmegah dengan kuasa yang dimiliki sekarang ini kerana dalam pelbagai situasi jua kita hanya boleh berserah kepada-Nya sahaja dan mendapat redha daripada-Nya sahaja.

Oleh itu, prinsip keislaman yang bersifat Akmal ini telah digarapkan dalam penulisan novel *Anding Ayangan II* yang mana ia memberikan suatu impak yang positif kepada pembaca dengan kita sebagai umat Islam haruslah sentiasa meminta doa dan juga hanya

boleh berharap kepada Allah SWT sahaja serta menunjukkan agama Islam ini agama yang sempurna.

### **Menunaikan Solat**

Solat ini adalah rukun Islam kedua daripada rukun Islam yang pertama iaitu mengucapkan dua kalimah syahadah dan ianya perkara wajib dilakukan oleh manusia beragama Islam. Selain itu juga solat ini terdapat waktu-waktu yang wajib yang mana sebanyak lima waktu yang terdiri daripada Zohor, Asar, Maghrib, Isyak dan Subuh. Ini kerana terdapat kenyataan yang telah dibuat oleh Haron Din yang mana “Islam adalah sebuah agama yang benar menjadikan sembahyang satu daripada rukun Islam yang lima dengan diwajibkan ke atas tiap-tiap penganutnya iaitu semua yang bergelar Islam haruslah menyempurnakan seharian mereka dengan sembahyang lima kali dalam satu hari itu dan ibu bapa haruslah memberikan galakan yang wajib kepada anaknya seumur kecil lagi dalam menunaikan solat ini dan harus mengenakan hukuman jikalau anaknya masih ingkar untuk melakukan ibadah ini. sewaktu usia mereka sepuluh tahun (Manusia dan Islam, 2010: 179).

Solat adalah perkara ibadat penting dan juga harus difahami serta menjadikan solat ini sebagai amalan setiap muslim. Oleh itu, jika iman merupakan ucapan lisan dan juga ia juga sebuah keyakinan di dalam hati, namun dengan itu pula solat ini telah menjadi wakil amalan lahir sebagai bukti ketaatan kepada Allah s.w.t. Selain itu juga solat ini juga merupakan ibadat yang merealisasikan makna penyerahan diri kepada Allah semata-mata kerana ianya merupakan tanda keimanan di samping itu juga sebagai sebuah perantaraan bagi orang-orang yang beriman bagi mencari keredhaan sepanjang kehidupannya. Dengan itu, Allah telah mewajibkan ibadah ini sebagai iabadat yang terunggul sepanjang masa dalam

hidup seluruh risalah kenabian. Seterusnya ibadat solat ini akan menjadi penentu dalam penerimaan amalan-amalan ibadat secara keseluruhannya. Hal ini dikatakan demikian kerana jika solat seseorang itu telah diterima oleh Allah di akhirat kelak, amalan-amalan lain yang telah dilakukan ketika hidup di dunia ini akan diterima. Tetapi sebaliknya jika amalan solat itu di tolak, maka amalan-amalan yang lain juga akan ditolak juga. Ini dapat dibuktikan dengan ibadat solat ini merupakan tali pengukur dalam kesempurnaan ibadat.

Oleh itu dapat dilihat dalam keperluan ibadah ini dalam Islam ini, penulis novel *Anding Ayangan II* ini telah menyatakan tentang solat ini adalah perkara wajib kepada hambanua yang memeluk agama Islam ini tidak mengira taraf kehidupan dan juga pangkat. Perkara tentang solat ini dapat diambil dalam petikan dibawah ini.

Subuh berlabuh dan bakal berangkat dengan gilasan matahari. Sewaktu inilah Chahaya mengerjakan solat sementara fajar masih tersisa mewarnai Pawana alam. Berbekalkan api jamung yang meliuk-lintuk tatkala bayu berpuput lembut, yang dipercayai berasal dari arah lautan, selajur mengusir lusir menerawang sampai ke daratan.

... Di sini, hanyalah Chahaya sahaja yang gigih menyembah Allah dalam satu penyerahan ibadat. Mereka yang lain masih tertidur. Kekenyangan malam tadi membuatkan mereka terlena dalam ke tiduran yang panjang. Sepertiga malam tadi disisi dengan makan dan minum semahunya. Para syaitan pun menyelimuti tubuh-tubuh para manusia ini dengan kulit babi agar tidur mereka tetap berahi dalam mimpi yang indah.

(*Anding Ayangan II 2019 hlm, 189*)

Berdasarkan kepada petikan yang diatas itu, dapat dilihat bahawa pengarang ini telah menunjukkan tentang kewajipan solat yang harus dijalankan oleh semua golongan yang beragama Islam tidak kira dalam apa jua keadaan sekalipun. Hal ini dapat dibuktikan dengan jelas bahawa sewaktu telah masuknya waktu subuh, Chahaya telah menunaikan kewajibannya sebagai seorang muslim iaitu dengan menunaikan solat dengan gigihnya

menyembah Allah SWT. Malahan pada ketika itu kawan-kawan Chahaya sedang nyenyak tidur kerana mereka sudah kekenyangan dan Chahaya lebih memilih untuk menunaikan ibadat kerana ibadat solat ini merupakan perkara yang wajib kerana jika ianya tidak dilaksanakan akan dituntut oleh Allah SWT di mahsyar nanti dan dengan menjalankan ibadat solat ini dapat juga memberikan kerohanian serta jiwa yang tenang kepada Chahaya dalam melakukan apa jua perkara.

Menurut Imam Malik dan juga Imam al-Syafie yang mana mereka berpendapat bahawa mereka yang mengingkari kewajipan solat ini akan dihukum sebagai kafir dan juga fasik. Hal ini kerana jika mereka meninggalkan ibadat solat ini disebabkan sifat malas tetapi masih lagi mengakui kewajibannya. Selain itu juga kedudukan ibadat solat ini sangat penting maka soat fardu ini sama sekali tidak boleh diabaikan ataupun ianya ditinggalkan dengan sewenang-wenangnya. Seterusnya, terdapat beberapa kajian semasa yang mana kajian ini berfokuskan kepada melaksanakan solat ini akan menyempurnakan hidup selari dengan prinsip teori takmilah ini dan jika sebaliknya mereka yang meninggalkan solat ini akan melahirkan kesan-kesan yang negatif terhadap diri seseorang individu itu. Dalam kajian Mohd Suhardi bin Jusoh (2004), yang mana beliau telah membuat kajian mengenai ibadat solat ini telah mendapati separuh daripada responden telah membuat pengakuan iaitu perbuatan bagi meninggalkan solat fardu ini telah memainkan dan juga mendatangkan kesan yang tidak baik iaitu kesan yang negatif pada diri mereka sendiri. Malahan dalam kajian beliau ini juga dapat dirumuskan bahawa remaja dewasa pada zaman kini terjebak dengan pelbagai gejala-gejala sosial ini ianya berpunca daripada diri mereka sendiri yang tidak mendirikan ibadat solat ini. Oleh itu dalam kajian ini juga dapat diberikan gambaran yang

jelas bahawa tabiat resah dan gelisah ini akan kekal berada dalam diri mereka yang meninggalkan ibadat solat mereka.

Oleh kerana demikian, ibadat solat ini sangat lazim dalam Islam yang mana ianya telah menjadi satu ibadat yang wajib dan ianya harus dilaksanakan oleh mereka yang menjadi pilihan untuk memeluk Islam dan juga dipanggil sebagai Muslimin serta Muslimat. Selain itu juga nilai Islam yang telah diwujudkan dalam novel ini menerusi solat ini juga ianya telah bersesuaian dengan teori Takmilah yang ketiga iaitu prinsip keislaman yang bersifat Akmal (sempurna). Disini maksud Akmalnya Islam ini dapat ditonjolkan dengan ibadat-ibadat yang telah dilaksanakan oleh umat Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana Akmal Islam ini berfokuskan kepada falsafah tauhid yang mana falsafah ini berkaitan kepada konsep keimanan yang menunjukkan praktik amalan dengan menjalani dan mematuhi semua suruhan-Nya dan juga tidak ketinggalan dengan mematuhi segala syariat yang sudah ditetapkan oleh Allah SWT. Dengan itu nilai Islam yang terdapat dalam kajian novel *Anding Ayangan II* ini melalui watak Chahaya ini merupakan perkara yang penting dan juga tunjang syariat yang utuh dalam memperlihatkan kesyumulan Islam yang telah ditekankan dalam sifat Akmal sebagaimana ia telah digariskan dalam prinsip teori Takmilah yang ketiga iaitu prinsip keislaman yang bersifat Akmal (Sempurna).

### **4.3 KESIMPULAN**

Teks *Anding Ayangan II* karya Ramlee Awang Murshid ini dapat dilihat sepenuhnya memaparkan unsur-unsur Islam yang telah ditonjolkan dan juga dipaparkan dan dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian masyarakat. Unsur Islam yang telah dibawakan dalam novel ini juga dapat dikaitkan dengan peristiwa-peristiwa yang melibatkan keagamaan

dan juga ianya mempunyai kaitan dengan prinsip-prinsip teori Takmilah yang telah dinyatakan. Selain itu juga, unsur Islam yang terdapat dalam teks kajian novel

*Anding Ayangan II* karya Ramlee Awang Murshid ini ialah beriman kepada Qada' dan Qadar, berdoa, menjaga batas pergaulan, berjihad (berjuang ke jalan Allah), ujian sebagai kifarrah, menyebarkan dakwah, Islam merupakan agama yang sempurna dan juga menunaikan solat. Oleh itu unsur tersebut dapat dilihat dalam teks *Anding Ayangan II* dan boleh dijadikan rujukan kepada masyarakat pada masa kini.

## **BAB 5**

### **PERBINCANGAN**

#### **5.1 PENGENALAN**

Rumusan daripada analisis yang dijalankan dengan cara mengkaji, menghurai dan juga menganalisis maklumat, maka pada bahagian rumusan ini adalah untuk merumuskan setiap hasil dapatan kajian yang dilakukan dalam bab ini adalah berdasarkan analisis yang dilakukan oleh pengkaji terhadap objektif kajian dengan lebih terperinci dalam bab empat sebelum ini yang telah menjadi garis panduan dan tetapan yang ditepati. Selain itu juga bahagian perbincangan ini akan adanya kesan atau implikasi serta beberapa usul cadangan baik supaya ianya boleh memberi sedikit pertolongan kepada pengkaji akan datang bagi membuat kajian sebegini pada akan datang.



## 5.2 RUMUSAN KAJIAN

Tirai kajian dibuka dengan pengkaji memulakan perbincangan pada bab satu tentang pengenalan pada kajian ini. Pengkaji telah menerangkan beberapa perkara seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi secara konsep, Batasan kajian dan juga kesimpulan pada kajian ini.

Melalui pengenalan kajian ini, pengkaji telah memberikan maksud-maksud mengenai Islam dan juga maksud-maksud teori Takmilah mengikut prinsip-prinsip yang telah dinyatakan. Dalam perbincangan itu juga, pengkaji telah difahamkan bahawa unsur Islam ini juga merupakan sebuah unsur yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat pada hari ini kerana masyarakat hari ini terlalu lalai dengan dunia dan tidak tahu tentang bagaimana untuk mendekati diri dengan ajaran-ajaran Islam yang telah ditetapkan. *Teks Anding Ayanan II* ini juga telah dikarang oleh penulis yang sememangnya mempunyai unsur Islam untuk diketengahkan dalam kalangan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana perkara ini sangat penting agar hasil karya yang telah dihasilkan tersebut bukan sahaja menjadi bahan bacaan semata-mata tetapi dapat dijadikan sebagai sumber rujukan, pengajaran dan juga teladan dalam masyarakat pada masa yang akan datang. Seterusnya pula, kajian yang telah dihasilkan ini juga sebenarnya untuk mengangkat unsur Islam berdasarkan teori Takmilah dalam karya yang telah ditulis melalui zaman terdahulu iaitu di novel ini menceritakan tentang perbezaan beberapa dunia yang mana dunia ini dikatakan mempunyai beberapa lapisan kehidupan yang berbeza-beza tanpa sebarang pertembungan. Selain itu juga novel ini juga menceritakan tentang dunia yang fana, dunia dongeng dan juga masa silam. Ini sekaligus telah menjadikan pembaca dan juga pengkaji berfikir tentang kewujudan berlainan dunia melalui cerita-cerita yang dikarang oleh pengarang itu sendiri. Selain itu juga setiap



bingkisan mengenai kehidupan yang telah dipaparkan dalam novel *Anding Ayangan II* ini juga dapat memberikan nilai dan juga unsur yang baik dalam masyarakat pada masa ini serta dipertingkatkan lagi pada masa hadapan.

Teori Takmilah ini dilihat sangat berkait rapat dengan struktur yang wujud dalam kehidupan masyarakat. Takmilah ini juga mempunyai kepentingan yang dapat dilihat daripada dua aspek. Yang pertama iaitu ia amat diperlukan bagi menghasilkan karya-karya sastera Islam iaitu ia merupakan sebagai kerangka dalam pendekatan atau melihat ketujuh-tujuh prinsip yang telah dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar. Selain itu juga, takmilah ini juga diperlukan bagi tujuan penganalisisan terhadap teks seperti novel, cerpen ataupun drama dengan meneliti sejauh manakah sesebuah karya sastera itu ia dapat dibahagikan dalam sastera Islam melalui penilaian dalam pendekatan ataupun teori takmilah ini. Selain itu juga teori Takmilah ini juga dapat memberikan impak yang positif dan terdapat banyak unsur-unsur Islam yang terdapat dalam penulisan ini sekaligus dalam teks ini dapat kita mengetahui tentang kehidupan-kehidupan yang hidupanannya di alam fana.

Dalam konteks yang tersebut boleh dinyatakan dengan wujudnya karya-karya daripada penulis Ramlee Awang Murshid ini banyak memaparkan unsur Islam, kemasyarakatan, kepimpinan yang sangat memberikan impak kepada kalangan orang Melayu pada masa kini. Ini kerana perkara ini masih lagi dititikberatkan dalam pemikiran masyarakat kini. Selain itu juga dapat kita lihat bahawa novel dan juga teks yang ada pada hari ini dilihat lebih menengahkan isu-isu percintaan dan juga kekeluargaan sahaja tanpa mengulas dengan lebih lanjut berkaitan dengan unsur-unsur Islam yang boleh diaplikasikan oleh pembaca dalam kehidupannya seharian. Hal ini dikatakan demikian kerana ia dapat dilihat

berpunca daripada permintaan pembaca itu sendiri lebih gemar untuk membaca novel cinta lagi berbanding dengan karya sebegini.

Oleh itu karya *Anding Ayangan II* yang dihasilkan oleh penulis seperti Ramlee Awang Murshid ini masih mendapat tempat serta juga diambil sebagai panduan aktiviti seharian masyarakat pada hari ini. Rentetan itu kerana unsur yang baik iaitu unsur Islam ini telah memberi pembaharuan ke arah yang boleh mendatangkan manfaat kepada pembaca dan masyarakat.

Selain itu pengkaji dapat menilai serta mempunyai pendapat tentang perkara utama yang mahu diberikan penekanan daripada penulis *Anding Ayangan II* ini adalah bagaimana unsur-unsur Islam ini digarapkan dan diterapkan dalam kehidupan seharian masyarakat. Unsur Islam yang dimasukkan novel itu supaya memberikan penjelasan secara terang serta boleh mengambil iktibar kepada para pembaca. Unsur Islam daripada prinsip teori takmilah iaitu prinsip yang pertama iaitu prinsip kerasulan yang bersifat kamal (sempurna). Perkara sebegini berkait rapat dengan hubungan erat yang dapat menghubungkan Allah SWT dengan manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana penelitian sifat 'kamal' dan juga 'jamal' ini dapat dilihat melalui kewujudan manusia yang telah diciptakan oleh Allah SWT dengan sebaik-baik kejadian. Prinsip ini juga telah menerangkan aspek tentang keindahan yang estetik terhadap manusia iaitu kewujudan mereka ini dicipta oleh Allah SWT dengan sebaik-baik kejadian yang mana ia dianggap sebagai Yang Maha Sempurna dan juga Yang Maha Indah. Oleh itu dapat dilihat bahawa sastera itu sendiri telah menjadikan seseorang manusia itu dan juga alam sebagai tempat untuk berkarya yang boleh menjadikan kesenian itu sebagai sebuah keindahan, oleh itu penulis itu mampu dan harus menjadikan diri mereka dalam bidang seni itu ke arah kesempurnaan. Kajian ini juga terdapat prinsip teori takmilah yang

kedua yang mempunyai unsur Islam dan ianya dapat diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat Anding. Prinsip kedua dalam teori Takmilah ini ialah prinsip kerasulan sebagai insan kamil (sempurna). Dalam kajian ini terdapat beberapa ciri-ciri insan Rabbani yang dalam novel *Anding Ayanan II* ini yang telah ditonjolkan oleh watak-watak yang terdapat dalam novel ini yang mana ia bermaksud perhubungan teori dengan Rasul sebagai insan kamil (sempurna). Ciri-ciri insan Rabbani itu boleh dikategorikan dalam novel ini iaitu seseorang yang sentiasa menjaga batas pergaulannya. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan menjaga batas pergaulan, seseorang itu akan terhindar daripada segala fitnah yang mana fitnah ini merupakan perkara yang sangat bahaya dan ianya perlu dihindari oleh semua orang mahupun lelaki ataupun perempuan. Oleh itu, teori Takmilah (Kerasulan sebagai insan kamil) ini dapat membentuk peribadi yang terpuji. Hal ini dikatakan demikian kerana Rasulullah sangat menjaga batas dengan bukan mahram meskipun Baginda merupakan pemimpin yang perlu berkomunikasi dengan bercampur jantina.

Seterusnya pula dalam kajian ini juga terdapat unsur Islam yang berkait dengan teori Takmilah dan ianya merupakan prinsip yang ketiga daripada tujuh prinsip teori Takmilah yang terdapat. Teori yang tersebut ialah prinsip keislaman yang bersifat Akmal (Sempurna). Prinsip teori Takmilah yang ketiga ini menerangkan tentang maksud Islam yang sebenar yang mana Islam ini merupakan agama yang mempunyai kelengkapan dari semua aspek kehidupan. Islam ini juga ianya memberi gambaran yang jelas tentang Islam yang mana ia merupakan agama yang satu-satunya agama yang direndhai oleh Allah dan juga agama yang sempurna dari pelbagai aspek. Prinsip ini menerangkan tentang indahnya agama Islam ini bagi umat-umat Islam dan Islam ini juga merupakan sebuah agama yang Indah dan teragung yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad s.a.w bagi mengatur serta

menyusun kehidupan umat-umat Islam dalam pelbagai aspek ianya bertujuan supaya mereka ini boleh menghayati kehidupan yang sempurna, mulia iaitu kehidupan yang diredhai oleh Allah dan juga mendapat kebaikan untuk di dunia dan juga di akhirat kelak. Oleh itu, unsur Islam yang ditonjolkan dalam teks *Anding Ayangan II* ini dapat diambil sebagai tunjuk ajar dalam kehidupan pembaca dan menjadi pandangan kepada pembaca ianya berikutan kerana kurangnya penghayatan tentang unsur-unsur Islam ini dalam kalangan masyarakat.

### 5.3 IMPLIKASI KAJIAN

Pemikiran ataupun konsep yang dibawakan oleh Ramlee Awang Murshid dalam karya *Anding Ayangan II* dapat dilihat bahawa sangat mempunyai tafsiran tentang unsur Islam yang sangat mendalam dengan beliau menulis hasil penulisannya dengan menggunakan ayat-ayat yang berunsurkan konsep Islam. Cara penceritaan yang berulang-ulang serta menggunakan kata-kata yang mempunyai makna Islam juga memberikan kesedaran dan juga perasaan ingin tahu mengenai sifat-sifat Rasulullah s.a.w yang Rabbani kepada para pembaca. Hasil penulisan teks sebegini juga dilihat dapat memberi kesedaran hati, pembentukan minda dan juga pemikiran yang luas tentang keindahan Islam dalam kehidupan masyarakat. Unsur Islam melalui teori Takmilah ini merupakan sebuah unsur yang dititikberatkan oleh agama Islam supaya umatnya sentiasa mencari tahu tentang hukum-hakam mengenai Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana unsur yang disampaikan dalam teks *Anding Ayangan II* dapat diberikan fokus dan dinilai secara terus oleh pembaca sama ada yang positif ataupun negatif. Teks *Anding Ayangan II* karya Ramlee Awang Murshid ini bukan sahaja sebuah karya yang mempunyai unsur dongeng dan fantasi untuk hiburan semata-mata kerana setiap bait-bait

perkataan mempunyai cara pemahaman yang tersendiri di luar kotak pemikiran para pembaca. Hasil karya tersebut itu dilihat dapat mendidik dan juga memberikan pengajaran serta pengetahuan tentang Islam kepada semua pihak untuk menerapkan dalam kehidupan seharian.

Semua golongan daripada pembaca yang membaca kisah ini perlu mengakui bahawa masyarakat dan juga penulis ini sememangnya mempunyai daya imaginasi yang baik untuk menterjemahkan sesebuah hasil karya iaitu teks kepada sebuah penceritaan yang padat dengan unsur-unsur Islam yang boleh memberikan pengaruh kepada masyarakat. Perkara ataupun elemen tersebut dapat menjadikan seseorang individu yang lebih berfikir secara terbuka kerana prinsip-prinsip Islam telah diterapkan dalam pemikiran seseorang itu kerana jika seseorang itu ingin melakukan kemungkaran, boleh berbalik semula dengan prinsip Islam yang telah dipelajari dari bacaan teks *Anding Ayangan II* itu. Selain itu juga hasil karya sebegini diharapkan dapat dijadikan sebagai penasihat dalam diam kepada masyarakat untuk meneliti dan menggunakan unsur Islam kepada individu tersebut dalam kehidupan seharian. Hubung kait unsur Islam dan teori Takmilah ini merupakan perkara mustahak bagi melahirkan akhlak atau keperibadian baik seseorang untuk kegunaan masa nanti.

#### **5.4 CADANGAN DARIPADA HASIL KAJIAN**

Berdasarkan analisis-analisis dan juga hasil daripada perbincangan yang telah dijalankan dalam kajian ini, pengkaji mahu memberikan beberapa idea dan juga cadangan yang boleh diguna pakai serta digunakan untuk masa hadapan. Ini kerana unsur Islam yang dipaparkan oleh teks *Anding Ayangan II* dapat mewujudkan pembentukkan akhlak yang mengikuti sifat-

sifat Rasulullah yang Rabbani dan dapat mengetahui tentang prinsip-prinsip teori Takmilah serta sesuai dapat memberikan contoh yang baik untuk generasi muda yang akan datang melalui beberapa cadangan yang telah diusulkan oleh pengkaji. Antara cadangan yang boleh diberikan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah seperti dibawah ini.

#### **5.4.1 Memaparkan Unsur-Unsur Berkaitan Dengan Islam Dengan Lebih Banyak**

Agama ini sememangnya telah memberikan banyak sumbangan dan juga kebaikan kepada kehidupan dan juga ketamadunan manusia di alam ini. Antara salah satu daripada kebaikan dan juga sumbangan agama Islam ini kepada kehidupan dan ketamadunan manusia ialah ianya melalui peranannya dalam membentuk keperibadian manusia yang akhlaknya baik, dapat mengawal segala tingkah laku dan juga dapat memberikan sistem kerohanian baik yang boleh membentuk manusia ke arah yang lebih baik melalui teori Takmilah yang disampaikan. Selain itu juga menurut beberapa pandangan ahli psikologi yang moden mahupun yang klasik, agama Islam ini boleh membantu dalam membentuk sebuah kehidupan manusia yang mana ia diberikan pemahaman yang diperlukan oleh seseorang berkaitan dengan maksud kehidupan, tujuan akhir kehidupan atau Fiqh al-Hayah. Dengan adanya pemahaman tentang agama Islam yang jelas ini membolehkan seseorang itu dapat jalankan kehidupan sehariannya dengan penuh ikhlas, fokus dan memberikan tumpuan yang sepenuhnya tentang apa yang dipercayai olehnya.

Oleh itu dengan pengarang memaparkan unsur-unsur berkaitan dengan Islam ini dengan lebih banyak juga boleh menjadikan pembaca yang membaca teks novel ini secara tidak langsungnya wujud perasaan ingin tahu mengenai keindahan-keindahan sifat-sifat insan Rabbani dan ciri-ciri khalifah yang ditonjolkan dalam prinsip teori Takmilah. Selain



itu juga dapat dilihat bahawa kebiasaannya pembaca novel ini wujudnya daripada golongan muda, dengan ini sangatlah mudah untuk menarik golongan ini mendalami ilmu-ilmu keagamaan ini yang mana tidak semestinya ilmu agama ini hanya perlu menghadiri kelas-kelas ceramah yang dianjurkan malah dengan bahan bacaan seperti ini juga mampu menarik minat golongan ini kepada ilmu-ilmu Islam. Dengan itu golongan pengarang inilah yang harus memainkan peranan mereka dalam bidang penulisan seperti ini memaparkan unsur-unsur Islam agar boleh memberikan sedikit pengetahuan tentang agama Islam dengan baik kepada golongan muda masa kini yang semakin lupa dan lalai tentang perkara ini.

#### **5.4.2 Menerapkan Teori Takmilah Di Dalam Penulisan Novel**

Sepanjang menjalankan kajian ini, pengkaji dapat memberikan cadangan tentang kesemua prinsip teori takmilah diatas itu dapat memupuk mereka ini ke arah insan Kamil yang mana aspek ini sangat cukup dominan untuk diberikan perhatian yang khususnya dalam keseluruhan cerita novel *Anding Ayangan II* karya Ramlee Awang Murshid ini. Hal ini dikatakan demikian kerana ia dapat dilihat daripada aspek perwatakan, watak, plot dan juga kisah yang dikaryakan oleh Ramlee Awang Murshid ini sangat bersesuaian dengan teori Tamilah yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar dalam memastikan novel ini bercorak keisalaman yang kekal dalam memberikan hubungan yang kukuh diantara pencipta-Nya iaitu Allah SWT dengan hamba-Nya.

Selain itu juga teori sastera seperti tempatan ini mahupun yang bersifat kontemporari ini seharusnya ianya diberikan penekanan dan juga dikembangkan lagi. Ini kerana teori yang berkaitan dengan sastera tempatan pada zaman kini amatlah kurang mendapat tempat dan tidak diberikan pendedahan kepada generasi hari ini iaitu generasi muda. Oleh itu, teori yang



mempunyai corak Islam ini perlu diberikan penelitian dan dianalisis penggunaannya terhadap sesuatu karya ianya bertujuan supaya sastera ini dapat disulami dengan panduan Islam yang sebenarnya.

Seterusnya pula novel-novel yang berkonsepkan bahan ilmiah ini mahupun akademik ini bukan sahaja terdiri daripada terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka malahan syarikat buku terbitan yang lain juga perlu diberikan pendedahan dengan dipasarkan dengan lebih banyak dan berterusan. Hal ini kerana walaupun novel yang telah popular ini mendapat perhatian di mata masyarakat dan ianya dicetak secara kerap namun fenomena ini tidak boleh menjadi salah satu daripada punca novel ilmiah ini dicetak dengan jumlah yang sangat terhad. Seterusnya penguasaan kepada teori sastera tempatan seperti teori Takmilah ini juga akan menjadikan bidang sastera yang ke arah Islam ini semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

#### **5.4.3 Memperluas Kajian Tentang Unsur Islam Berdasarkan Teori Takmilah**

Pengkaji mengakui bahawa kajian kali ini terbantut kerana kurangnya tentang kajian-kajian lepas yang dijalankan mengenai unsur Islam dari segi pengaplikasian teori Takmilah untuk kegunaan bahan rujukan. Hal ini dikatakan demikian pengkaji menghadapi kesukaran untuk memahami satu-satu prinsip teori Takmilah yang terdapat dalam novel tersebut. Sesungguhnya maksud yang terselit diantara prinsip-prinsip teori itu mempunyai perkataan yang sama tetapi makna yang berbeza-beza. Oleh itu, pengkaji mencadangkan bahawa akan ada pengkaji yang lain yang boleh membantu memperluas lagi kajian mengenai unsur Islam ini melalui pendekaran teori Takmilah. Malahan perkara ini secara tidak langsung juga akan

membantu pengkaji dan pembaca untuk memahami isi kandungan teks novel dengan lebih mudah.

## **5.5 KESIMPULAN**

Sebagai penutup untuk kajian ini, pengkaji sangat berharap supaya kajian yang telah dilakukan boleh memberi sedikit impak dan juga kebaikan kepada orang yang membaca tidak kira golongan pelajar ataupun masyarakat berkaitan dengan unsur Islam dalam novel terutamanya novel *Anding Ayangan II* untuk menyelami dengan lebih mendalam mengenai unsur-unsur Islam yang wujud. Selain itu juga permasalahan yang ditonjolkan dalam kajian ini bukanlah satu halangan ataupun rintangan untuk meneruskan kajian ini tetapi haruslah mengambil iktibar serta semangat untuk menyiapkan kajian ini supaya ia boleh memberi kebaikan kepada pembaca. Oleh itu juga teks sebegini perlulah menjadi daya tarikan kepada orang ramai bagi tujuan menyampaikan serta menyuarakan tentang idea terhadap pembaca tentang keistimewaan agama Islam di dunia ini.

Oleh itu penulis pada masa kini haruslah berusaha bagi melahirkan karya yang baik bagi mengangkat martabat Islam pada tempat yang lebih mulia melalui masyarakat ini dan untuk masa hadapan. Seterusnya pengkaji ini meletakkan sebuah pengharapan supaya kajian sebegini akan memberikan satu pembaharuan ataupun kesedaran terhadap pembaca tentang wujudnya prinsip-prinsip teori Takmilah ini serta novel yang berunsurkan Islam ini juga boleh mendapat tempat di mata pembaca dan tidak dianggap sebagai novel yang suram dari segi intipatinya. Dengan itu juga masyarakat pada hari ini tidak kira golongan tua ataupun muda perlu memberikan sokongan yang baik untuk penulis novel pada hari ini supaya novel

sebegini dapat diterbitkan dengan isi kandungan yang membolehkan membentuk keperibadian yang mulia iaitu insan yang Rabbani sebagaimana seperti Rasulullah s.a.w mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## RUJUKAN

### ARTIKEL

- Abdul Halim Ali (Peny). (2014). *Teori Takmilah Perluasan dan Penafsiran*. Persatuan Penulis Budiman Malaysia, Tanjung Malim.
- Che Ruzzi Wani Binti Che Yu. (2001). *Teori Takmilah Analisis Novel Mereka yang Tertewas*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Kamariah Kamarudin. (2006). *Novel-novel Berunsur Islam: Analisis Berdasarkan Teori Takmilah*. Tesis Doktor Falsafah Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kamariah Kamarudin. (2007). *Revolusi yang Ditangguhkan Karya Shahnnon Ahmad Berdasarkan Perspektif Takmilah*. Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Maisarah binti Yaacob. (2017, Februari). Unsur Tarbiah dalam Novel KOMSAS. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Ammyrul Ashraf Sairan, Shukri Ahmad. (2021). *Pemikiran Dakwah Muhammad Uthman El-Muhammady dan Kesannya Terhadap Islam di Malaysia*. Universiti Utara Malaysia.
- Muhammad El-Muhammady. (1982). *Akidah Koleksi Dakwah*. Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia, Kuala Lumpur.
- Nik Faizul Azri bin Nik Azis. (2018). *Politik Islam dalam Naskah Historiografi Melayu*. Universiti Putra Malaysia.
- Redzaudin Ghazali, Moohamad Rofian Ismail, Khairatul Akmar Abd Latif. (2017). *Analisis Takmilah Novel Sarjana Bangsa*. Kolej Universiti Antarabangsa Selangor.
- Rosnani Ripin. (2017). *Takmilah Seteguh Fikrah Saleha karya Aminah Mokhtar*.

### BUKU

- Ramlee Awang Murshid. (2019). *Anding Ayangan II*. Grup Buku Karangkrak sdn. bhd. ISBN 978-967-467-498-005-4. Perpustakaan Negara Malaysia.

### INTERNET

- Abdul Hadi Awang. (2022). Konsep Pendidikan Islam yang Sempurna.
- Aminoh Yasalae. (2009). Penerapan Teori Takmilah dalam Sajak-sajak Melayu Patani.
- Asmiaty Ahmad. (2014). *Puisi-puisi Arif: Maksud-maksud Takmilah dan Analisis*.

- Kamariah Kamaruddin. (2011). Takmilah dalam novel Melayu *Kuala Lumpur*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nordin Mohamad. (1997). Menilai teori Takmilah dalam karya Shahnnon Ahmad.
- Rafeah Sapari. (2005). Menerapkan teori Takmilah untuk mengkaji dan membandingkan nilai yang bertema keislaman.
- Redzaudin Ghazali, Mohamad Rofian Ismail, Khairatul Akmar Abd. Latif. (2017). *Maksud Teori Takmilah*.
- Shafie Abu Bakar. (1996). Menjelaskan bahawa mesej dan sudut haruslah bersifat positif selaras dengan nilai-nilai Islam yang mentakmilahkan keinsanan dan sebarang jaringan yang berhubung dengannya.
- Shafie Abu Bakar. (2005). Melakukan analisis teori Takmilah dalam teks *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin*: sebagai model sastera Islam dan “Kau dan Aku”.


### **JURNAL**

- Abdul Rozak, Sobihah Rasyad, Atikah. (2005). *Fakta Kemanusiaan dalam Novel Ayatayat Cinta 2 karya Habiburrahman El Shirazy*. Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia. Dosen FKIP-Unswagati, Dosen FKIP-Unswagati Cirebon, Mahasiswa FKIP-Universiti Cirebon.
- Balakrishnan A/L Arumugam, Mashetoh Abd. Mutalib dan Melor Fauzita Md Yusoff. (2002). *Unsur Eufemisme dalam Novel Ranggau*. Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah Darul Aman. SSN:2289-7208e-9294 vol 10, issue 1.
- Jamail Masador, Abdul Halim Ali, Azhar Wahid. (2021). *Nilai Kepahlawanan dalam Tangan Terpilih Suku Kimaragang di Sabah*. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia. MANU Bil. 32(1), 175-201, 2021 (Jun) E-ISSN 2590-4086.
- Mamat, Maisarah Yaacob, Norasiah Abdullah. (2012, Julai). *Tarbiah dalam Novel Papa (Akhirnya Kau Tewas Jua!)*. Universiti Kebangsaan Malaysia & Institut Pendidikan Guru, Bangi Selangor. D.E Sea Journal of General Studies vol 13. ISSN 1511-8393.
- MOHD Haniff Mohammad Yusoff. (2019). Penerimaan Kekerdilan Insan dalam Cerpen “Hari yang Bergelar Kematian” Menerusi Perspektif Takmilah. Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis. Jurnal Intelek vol 12: Issue: 2.
- Muhammad Nur al-Hakim bin Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus bin Che Yaacob. (2021). *Nilai-nilai Kemanusiaan, Cerita Lisan, Masyarakat Melayu, Takmilah*. Universiti Malaysia Kelantan. PENDETA, 12 (1), 11-25.
- Syarifah Salha Syed Ahmad, Mohd Rosli Saludin, Adenan Ayob. (2019). *Aplikasi Teori Takmilah dalam Fara'id Alfawa'id Al-Fikra Fi Al-Imam Al-Mahdi: Satu Analisis Kepimpinan Islam*. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia. Journal of Islamic, Social, Economics and Development.


Zaidi bin Ahmad, Azhar Abdul Wahab, Abdul Halim Ali. (2020). *Kerasulan Insan Kamil Membentuk Modal Insan dalam Novel Imam*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, vol. 8 (2).



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN